LAPORAN PENYELIDIKAN

PENGARUH NOVEL MESIR "ZAINAB" DALAM NOVEL MALAYSIA "FARIDAH HANOM": KAJIAN PERBANDINGAN

KOD: PPPP(J)/2007

PENYELIDIK
DR. ROSNI BIN SAMAH

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)
MAC 2008

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جَامِعَة العُلوم الإسْلامِيَة المَالِيزِيَة
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

LAPORAN PENYELIDIKAN

PENGARUH NOVEL MESIR "ZAINAB" DALAM NOVEL MALAYSIA "FARIDAH HANOM": KAJIAN PERBANDINGAN

KOD: PPPP(J)/2007

PENYELIDIK

DR. ROSNI BIN SAMAH

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

LAPORAN PENYELIDIKAN

PENGARUH NOVEL MESIR "ZAINAB" DALAM NOVEL MALAYSIA "FARIDAH HANOM": KAJIAN PERBANDINGAN

KOD: PPPP(J)/2007

PENYELIDIK

DR. ROSNI BIN SAMAH

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

MAC 2008

PENGAKUAN

Saya akui bahawa keseluruhan isi penyelidikan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya dijelaskan sumbernya.

Tarikh 20 Mac 2008

Tandatangan penyelidik



.....

Rosni bin Samah

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala pujian bagi Allah yang menjadikan langit dan bumi. Selawat dan salam bagi junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W sebaik-baik pribadi, bagi keluarga baginda, para sahabat dan sesiapa yang mengikuti panduan baginda hingga ke akhirnya.

Saya amat bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya, dapat saya siapkan penyelidikan ini yang bertajuk " **PENGARUH NOVEL MESIR "ZAINAB" DALAM NOVEL MALAYSIA "FARIDAH HANOM": KAJIAN PERBANDINGAN**"

Kami merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia khususnya Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan USIM di atas segala kerjasama yang telah diberikan bagi menjayakan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Abstrak

Novel Zainab merupakan novel pertama Mesir yang menonjolkan seni kesenian. Ia ditulis oleh Muhammad Husain Haikal semasa berada di Perancis. Ia menonjolkan persoalan kebebasan wanita daripada belenggu kehidupan tradisi masyarakat yang tidak memberi hak yang sepatutnya kepada mereka. Peristiwanya berkisar di sekitar latar kampong di Mesir. Wataknya juga dipilih daripada anak-anak masyarakat kampong tersebut. Plotnya berkisar di sekitar kisah percintaan yang tidak kesampaian disebabkan wujud orang ketiga yang mengahwini heroin. Novel Faridah Hanom merupakan novel pertama Malaysia. Ia menonjolkan persoalan kebebasan wanita yang perlu diberikan kepada mereka bagi membebaskan daripada tradisi masyarakat. Ia menggambarkan latar kota di Mesir. Wataknya juga dipilih darupada anak-anak masyarakat elit di kota tersebut. Plotnya berkisar di sekitar perhubungan cinta yang terhalang disebabkan wujud orang ketiga yang mengahwini heroin. Hasil daripada perbandingan di antara kedua-dua novel di atas menunjukkan bahawa novel Faridah Hanom Malaysia terpengaruh dengan Novel Zainab dalam pemilihan tema, persoalan, watak, struktur pembinaan plot dan gambaran latar yang digambarkan. Ini tidak menunjukkan bahawa penulis novel Faridah Hanom menterjemahkan novel Zainab ke dalam bahasa Melayu. Melihat kepada perjalanan plot dan pemilihan watak dan persoalan sudah pasti penulis novel Faridah Hanom telahpun membaca novel Zainab dan membuat adaptasi daripada novel tersebut bagi menjayakan karyanya. Hasil bacaannya itu diterjemahkan dalam penulisannya sehinggalah beliau berjaya menerbitkan novel Faridah Hanom.

Abstract

Novel Zainab is the first novel in Arabic literature written by Mohammad Husain Haikal in France. It portrays the life of women who were stucked in he old tradition which they were not given their rights. This study attempts to trace the Arabic impacts on the emergence of the Malaysian novel entitled Faridah Hanom. During the presentation of the comparative study between these two literary works; Novel Zainab by Hussain Haikal and novel Faridah Hanom by Syed Syeikh al Hadi, the result appeared that the Arabic novel played the most important role in the immergence of Malay novel. The Malay writer was influenced by the Arabic novel in writing his novel. He adopted the plot, characters, event and environment from Arabic novel for his work. The result of this impact, Malay novel emerges by portraying the women emancipation.

ملخص

تعد رواية فريدة هانم رائدة فريدة في الأدب الماليزي الحديث وكان راويها السيد الشيخ الهادي يعد الرائد الأول، الذي بذر البذور الأولى لنشأة الرواية الفنية في الأدب الماليزي الحديث. ومن خلال عقد المقارنة نجد أن رواية زينب لهيكل لعبت دورا فعالا فى تأثير رواية فريدة هانم الماليزية بنواتها الأصلية، ونجح الراوي الماليزي في نقل نواة رواية زينب الأساسية إلى الأدب الماليزى، وقيامه بصبغها بصبغته الإبداعية حتى تبرز الرواية رائدة في مجالها، وكانت منبعا لظهور روايات على طرازها. ويظهر أثر تأثر رواية فريدة هانم الماليزية برواية زينب في عناصرها الأساسية من موضوع القصة وحبكتها وشخصياتها وأحداثها وبيئتها وروحها رغم وجود أوجه الخلاف بينهما.

KANDUNGAN

Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	ii
Kandungan	v

BAB 1

Pendahuluan	1
Masalah Kajian	2
Objektif	2
Kepentingan Kajian	3
Batasan Kajian	3
Tinjauan Literatur	4
Kaedah Penyelidikan	7
Penutup	9

BAB II

NOVEL FARIDAH HANOM

Pengenalan Penulis	10
Pemikiran dan Sumbangan	14

Persoalan Novel 19

Plot 23

Watak 25

Latar 31

BAB 3

NOVEL ZAINAB

Pengenalan Penulis 33

Persoalan 38

Plot 40

Watak 43

Peristiwa 48

BAB 4

UNSUR-UNSUR PERSAMAAN DI ANTARA DUA NOVEL

Kesan Pengaruh Budaya Luar 51

Novel Pelopor 52

Tajuk Novel Dengan Nama Wanita 52

Pertukaran Tajuk Novel 53

Mesej Novel 53

Nama Watak Dalam Bahasa Arab 55

Persamaan Pada Nama Azizah 55

Konflik Kewujudan Orang Ketiga 56

Wanita Sebagai Watak Utama 56

Plot 57

Surat Menyurat 58

Pertemuan Di Antara Dua Kekasih 58

Cinta Tidak Kesampaian 59

Watak Wanita Berkahwin Dengan Bukan Kekasih 59

Cinta Tidak Kesampaian 59

Watak Wanita Berkahwin Dengan Bukan Kekasihnya 59

Kuasa Mutlak Bapa 60

Tragedi Kehidupan Berkahwin Dengan Lelaki Yang Tidak Dicintai 60

Kemunculan Watak Doktor 61

Bekas Kekasih Membawa Diri Ke Sudan 61

Kemunculan Kereta Api 62

Latar Mesir 62

BAB V

UNSUR-UNSUR PERBEZAAN DI ANTARA DUA NOVEL

Plot 63

Bilangan watak 64

Latar Tempat Dan Watak 64

Konflik Percintaan 65

Cinta Tiga Penjuru 66

Surat Menyurat 66

Kesudahan Sakit 66

BAB VI

PERBANDINGAN DAN ANALISA

Persoalan 68

Watak 75

Plot 87

Latar 93

BAB VII

Penutup

Kesimpulan 96

Rujukan 110

BAB I

Pendahuluan

Para sarjana sastera bersetuju pendapat bahawa novel Faridah Hanom merupakan novel pertama yang muncul dalam sastera moden Malaysia. Ia ditulis oleh Sayyed Syeikh al Hadi, seorang tokoh reformasi terkenal di kalangan masyarakat Melayu. Beliau banyak menterjemahkan karya-karya Arab dalam bidang pengajian Islam dan juga sastera. Para sarjana sastera berpolimik tentang keaslian novel tersebut kerana latar belakangnya menggambarkan suasana dan budaya di negara Arab. Di antara mereka ada yang berpandangan bahawa ia merupakan novel asli yang menggambarkan latar belakang luar negara. Terdapat juga sarjana sastera yang berpendapat bahawa ia merupakan novel saduran daripada sastera luar.

Polimik tersebut berterusan kerana tidak ada sarjana yang dapat merungkaikannya melalui perbandingan novel tersebut dengan novel-novel Arab. Ini berlaku kerana penghalang bahasa Arab. Terdapat tesis Ph.D yang ditulis di Australia cuba merungkai permasalahan tersebut, tetapi percubaannya gagal kerana tidak dapat menemui data tersebut.

Terdapat juga sarjana yang menimbulkan isu bahawa novel tersebut terpengaruh dengan novel Mesir Zainab. Namun begitu mereka tidak dapat untuk mempastikan kesahihannya disebabkan oleh faktor bahasa Arab. Masalah sejauh manakah terpengaruhnya novel Faridah Hanum dengan novel Zainab masih tidak dapat diselesaikan kerana tidak terdapat satu kajian yang dijalankan

dengan memperbandingkan kedua-dua novel tersebut bagi menjelaskan permasalahan. Dengan sebab yang demikian kajian ini cuba meneroka bidang ini dengan memperbandingkan kedua-dua novel tersebut bagi menjawab persoalan dan polimik yang timbul.

Masalah Kajian

Novel Faridah Hanom merupakan novel pertama Malaysia. Namun begitu ia menjadi polimik di kalangan sarjana sastera tentang keasliannya. Mereka berpolimik tentang sama ada ia merupakan novel asli atau terjemahan daripada novel Arab kerana terdapat latar belakangnya yang menggambarkan gambaran di Mesir. Di antara mereka ada yang mengatakan bahawa ia diadaptasikan daripada novel Mesir. Kesahihannya tidak dapat dikenal pasti kerana tidak ada sarjana sastera yang mampu membuat perbandingan di antara dua novel tersebut di sebabkan oleh halangan bahasa Arab. Betolak daripada isu ini, masalah kajian ini terfokus kepada persoalan di bawah:

> Benarkah novel Faridah Hanom terpengaruh dengan novel Mesir Zainab ?. Jika ya, bagaimanakah bentuk pengaruh yang terdapat di dalamnya ?.

Objektif

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif seperti di bawah:

- Menyediakan bahan rujukan utama yang dapat menyelesaikan polimik sastera bandingan yang timbul terhadap dua novel di atas.

- Mengenal pasti pengaruh novel Mesir "Zainab" yang menyumbang kepada kemunculan novel Faridah Hanom

Kepentingan kajian

Kajian ini perlu dijalankan bagi mencapai kepentingan seperti di bawah:

- Mengemukakan data tepat dan bahan bertulis terhadap isu ini dalam bidang sastera bandingan di Malaysia.
- Memberi penyelesaian dan menamatkan polimik yang berlaku dalam bidang sastera bandingan tentang isu ini.
- Mengemukakan bahan bertulis dalam bidang sastera bandingan yang dapat menjadi rujukan.
- Mendedahkan kepada pembaca dan sarjana sastera hasil kajian tentang isu ini.
- Menonjolkan satu penemuan terkini dalam bidang sastera yang menjadi polimik sehingga ke hari ini.
- Memperkenalkan kepada masyarakat sumbangan Islam dan tokohnya dalam kemunculan novel Malaysia.

Batasa Kajian

Kajian ini akan berkisar di sekitar kajian teks. Iaitu perbandingan dan analisa di antara dua novel. Iaitu novel Mesir Zainab dan novel Malaysia Faridah Hanom

serta mengakaji isu yang diperkatakan di antara keduanya yang terdapat dalam bahan-bahan bacaan lain.

Tinjauan Literatur

Buku History of Modern Malay Literiture (Johan Jaafar, Mohd Thani Ahmad & Safian Husain: 1992: 113) membincangkan asal kemunculan novel Faridah Hanum yang merupakan novel pertama Malaysia. Turut dibincangkan keaslian novel tersebut sama ada ia merupakan novel asli atau novel yang diadaptasikan daripada sastera lain. Dijelaskan juga latar belakangnya yang menggambarkan latar belakang Mesir. Peristiwanya juga berkisar di sekitar latar belakang tersebut. Begitu juga watak-watak utamanya diambil daripada anak-anak bangsawan masyarakat tersebut. Walau bagaimanapun para penulis menegaskan bahawa ia merupakan novel pertama Malaysia yang menjadi pembuka jalan kepada perkembangan novel seterusnya.

A. Wahab Ali (1991: 230) dalam bukunya "The Emergence of The Novel In Modern Indonisian And Malaysian Literature" membincangkan novel tersebut dengan membuat andaian bahawa ia terpengaruh dengan salah sebuah novel yang terdapat dalam sastera Arab khususnya Mesir. Beliau meminta daripada seorang penulis Mesir iaitu Fuad Badawi dan seorang daripada pensyarah sastera Islam daripada Universiti Malaya untuk mengenalpasti novel asal yang menjadi sumber kepada novel Faridah Hanum. Usaha beliau gagal kerana mereka berdua tidak dapat mengenalpasti sumber yang menjadi asas kepada

novel ini. Walau bagaimanapun beliau tetap mengatakan bahawa ia merupakan novel saduran dengan tidak dapat mengenalpasti asalnya.

Mana Sikana pula (1983) dalam bukunya "Sastera Islam Di Malaysia" membincangkan novel tersebut dengan menyatakan bahawa ia terpengaruh dengan novel Mesir yang ditulis oleh Haikal dengan judul Zainab. Namun begitu beliau tidak membincangkan unsur-unsur pengaruh tersebut dan tidak memperbandingkan dua novel tersebut. Mengikut beliau novel Faridah Hanom ada terdapat persamaan dengan novel Zainab. Beliau tidak menyatakan bahawa ia adalah novel saduran daripada novel tersebut. Dalam perbincangannya beliau menegaskan bahawa penulis novel Faridah Hanom terlebih dahulu membaca novel Zainab dan mendapat ilham untuk menulis novelnya dengan tidak menyadur dan menterjemah.

Dalam Seminar Kesusasteraan Bandingan Antarabangsa yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka terdapat satu kertas kerja bertajuk "Pengaruh Novel Mesir Zainab Dalam Novel Malaysia Faridah Hanom" (Rosni bin Samah, 2007) yang membincangkan isu pengaruh novel Mesir Zainab terhadap novel Malaysia Faridah Hanom. Penulisnya membincangkan secara ringkas unsur-unsur pengaruh yang terdapat dalam novel Malaysia. Ia bermula dengan pengaruh persoalan novel, pemilihan watak dan cirri-ciri peribadi, perjalanan plot dan latar.

Kertas ini merupakan hasil daripada penyelidikan ini yang dibentangkan oleh penulis. Ia telahpun menjawab persoalan tersebut secara ringkas. Dalam

soal jawab selepas pembentangan kertas tersebut, bangun seorang tokoh kritikan sastera Mana Sikana dengan pandangannya bahawa selama ini mereka tercari-cari apakah novel Faridah Hanom ini terpengaruh dengan novel Zainab. Kertas ini telah memberi penjelasan terhadap persoalan yang tidak terjawab selama ini. Beliau menyarankan agar kertas kerja ini diperluaskan lagi supaya dapat menjadi rujukan. (Mana Sikana, 2007)

Mengikut pendapat tokoh penyelidikan sastera Profesor Dr. Saleh Yafar bahawa selama ini tidak ada jawapan bagi menjawab persoalan ini. Mereka hanya dapat memperbandingkan dengan versi yang diterjemah ke dalam bahasa Ingeris sahaja. Kertas ini telah mengupas dan menjawab persoalan yang menjadi tanda tanya selama ini. Beliau juga berharap agar kertas kerja ini dapat diperluaskan sekurang-kurangnya dalam bentuk monograf dengan penambahan pengaruh budaya.(Salleh Yafar, 2007)

Mengikut pandangan Profesor Dr. Bukhari Lubis, satu percubaan untuk diperbandingkan kedua-dua novel tersebut cuba dilakukan oleh anak muridnya, tetapi cubaan tersebut terhenti begitu sahaja. Kertas ini merupaka jawapan kepada persoalan yang timbul selama ini. Persoalan tidak terjawab sehingga ke hari ini disebabkan halangan bahasa Arab yang terdapat di dalam novel Zainab.

Masalah sejauhmanakah terpengaruhnya novel Faridah Hanom dengan novel Zainab masih tidak terjawab dengan sepenuhnya kerana tidak terdapat satu kajian yang dijalankan dengan memperbandingkan kedua-dua novel tersebut bagi menjelaskan permasalahan. Dengan sebab yang demikian kajian

ini cuba meneroka bidang ini dengan memperbandingkan kedua-dua novel tersebut bagi menjawab persoalan tersebut.

Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif. Bagi mengumpul data-data kajian ia menggunakan beberapa instrumen yang terdiri daripada bahan bertulis.



- Pengumpulan data

Kajian ini lebih berpusat kepada kajian perpustakaan. Analisa kandungan dilakukan ke atas bahan percetakan dan elektronik yang dapat menyumbang

maklumat berhubung dengan permasalahn kajian. Data-datanya dikumpul melalui bahan-bahan perpustakaan dan juga temu bual bagi mendapatkan data yang tidak tertulis seperti pandangan dan ulasan.

Bagi mendapatkan data sasaran, kajian ini mengenalpasti semua bahan bertulis dan cetak yang menyentuh isu ini khususnya dalam bahasa Melayu dan Arab. Bahan-bahan tersebut diteliti dan dianalisa.

Bagi mendapatkan data utama, kajian ini akan memperbandingkan dua teks utama novel Zainab dan novel Faridah Hanom serta menganalisanya bagi mendapatkan hasil kajian.

Bagi memurnikan data, kajian ini mengadakan sesi temubual dengan sarjana-sarjana dalam bidang ini bagi memberi pandangan dan ulasan.

- Analisa data

Data dan maklumat yang diperolehi melalui analisa kandungan akan dianalisa secara deskriptis. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat yang boleh membantu kajian dalam membina konstruk yang bersesuaian dengan permasalahan dan objektif kajian. Data yang diperolehi diperbandingkan dan dianalisis bagi mendapatkan hasil kajian.



Penutup

Diharap penyelidikan ini dapat menjawab persoalan tentang pengaruh novel Mesir Zainab dalam novel Malaysia Faridah Hanom dengan mengemukakan beberapa bentuk pengaruh utama. Ia bermula dari persoalan novel, pemilihan watak dan ciri peribadi, perjalanan plot dan gambaran latar. Semoga penyelidikan ini dapat menjadi rujukan dalam bidang ini.

BAB II

NOVEL FARIDAH HANOM

Pengenalan Penulis

Syed Syeikh Al Hadi ialah seorang ulama progresif yang berasal dari keturunan Arab. Beliau mempelajari ilmu pengetahuan Islam daripada keluarganya dan juga beberapa pusat pengajian seperti di Pulau Penyengat, Terengganu dan beberapa tempat di negara-negara Arab. Begitu juga beliau mempelajari ilmu reformasi ummah daripada tokoh-tokoh terkenal di negara-negara Arab seperti Syeikh Muhamad Abduh dan anak muridnya Syed Rasyed Redha. Pengaruh reformasi mereka disebarkan kepada masyarakat tempatan melalui penglibatannya yang berharga .

Beliau menyeru supaya pengajian Islam bebas daripada budaya taklid buta dan tradisi masyarakat. Beliau berjaya menyebarkan gagasan reformasinya melalui media cetak dengan diterbitkan beberapa majalah dan novel serta buku-buku agama. Begitu juga gagasan reformasinya disebarkan melalui jawatan yang disandangnya seperti hakim mahkamah dan pengetua sekolah.

Reformasi yang besar dilakukan ialah perubahan sistem pendidikan agama daripada sistem pondok kepada sistem madrasah. Ini jelas melalui beberapa buah sekolah yang ditubuhnya. Dalam pendidikan Islam beliau mengutamakan pemikiran kritis yang tidak semata-mata menghafal, bahkan pelajar hendaklah

didedahkan dengan isu-isu semasa yang memerlukan kepada akal dan pemikiran kritis.

Sumbangan yang meninggalkan kesan mendalam di zaman moden ini ialah novelnya yang muncul buat kali pertama di dalam sastera Malaysia. Ini menunjukkan bahawa sumbangan ini membuka jalan dan era baru dalam dunia sastera. Beliau berjaya memupuk gagasannya melalui media sastera ini. Sumbangan ulama' tidak terbatas kepada mengajar semata-mata bahkan menggunakan segala media yang ada untuk berdakwah. Beliau merupakan seorang ulama' yang dapat membuka lembaran baru dalam bidang sastera dan mengharumkan nama dipersada yang belum diceburi sarjana lain.

Beliau dilahirkan pada petang Selasa, 25 Rajab tahun 1281 Hijrah bersamaan tahun 1867 Masihi di Kampung Hulu, Melaka. Meninggal dunia pada 20 Februari 1934 bersamaan 6 Zulkaedah 1352 Hijrah dan dikebumikan di tanah perkuburan masjid Mukim Jelutong, Pulau Pinang.(Talib Samad, 1992: 1) Bapa beliau Syed Ahmad bin Hasan al Hadi, berasal dari keturunan Arab Hadramaut dilahirkan di Kampung Hulu, Melaka pada malam Sabtu, 1 Syawal 1253 Hijrah dan meninggal dunia pada 15 Zulhijah 1312 Hijrah di Pulau Penyengat Riau. (Talib Samad, 1992: 1)

Neneknya pula Syed Hasan bin Saggaf al Hadi dilahirkan di Melaka juga. Hasil daripada susuran ini jelaslah bahawa Syed Syeikh al Hadi merupakan ulama Melayu yang berketurunan darah Arab dari Hadramaut. Keturunan Arab ini mempunyai pengaruh dan kedudukan di kalangan bangsawan dan golongan

feudal di Melaka dan Riau. Bapanya yang tergolong dari golongan yang terpengaruh dan berkedudukan tidak melupakan kepentingan pelajaran untuk anaknya dengan memberi tumpuan yang baik kepada pendidikannya.

Seperti kanak-kanak yang lain juga semasa kecil, Syed Syeikh mendapat pendidikan Melayu dan agama Islam sejak kecil lagi. Beliau mempelajari bahasa Arab dalam penulisan dan bacaan daripada bapanya sendiri. Beliau bersekolah agama di Melaka dan belajar di Sekolah Melayu Settlements, Melaka.

Ketika berumur sekitar tujuh tahun beliau mengikut bapanya berhijrah ke Pulau Penyengat. Di sana beliau diambil oleh Raja Haji Ali Kelana ibni al Marhum Sultan Muhammad Yusoff al Hadi, Yang di Pertuan Besar Riau-Lingga sebagai anak angkat. Beliau dimasukkan ke sekolah di sana dan dipelihara dengan penuh kasih sayang. .(Talib Samad, 1992: 4)

Bagi mendalami lagi ilmu agama dan bahasa Arab, beliau dihantar oleh bapanya ke Terengganu yang terkenal dengan pengajian pondok. Namun begitu beliau tidak tertarik dengan sistem pengajian pondok yang kurang menggalakkan pelajarnya berfikir secara kritis dan memadai dengan semata-mata hafalan sahaja. Beliau hanya belajar beberapa tahun sahaja kemudian pulang ke Pulau Penyengat.

Di Pulau Penyengat beliau belajar bahasa Arab, kebudayaan dan agama daripada bapa angkatnya sendiri. Beliau turut dibawa ke Tanah Suci Mekah oleh bapa angkatnya untuk mengerjakan haji. Beliau juga pernah belajar di Mekah untuk jangka masa beberapa tahun. Selepas kembali dari belajar di Tanah Suci

beliau menetap di Pulau Penyengat dan berkahwin dengan sepupunya Syarifah binti Muhammad al Hadi pada tahun 1309 Hijrah ketika berumur 28 tahun. .(Talib Samad, 1992: 5)

Walaupun selepas berkahwin, beliau tetap bersemangat untuk menuntut ilmu. Beliau berkesempatan pergi ke negara-negara Arab untuk mempelajari ilmu agama dan bahasa Arab semasa ditugaskan untuk menjadi pengurus dan pengiring kepada anak-anak raja Riau-Lingga yang pergi melanjutkan pelajaran agama dan bahasa Arab di negara-negara Timur Tengah seperti Mesir dan Arab Saudi.

Semasa berulang kali menziarahi negara-negara tersebut, beliau terpaksa duduk tinggal beberapa bulan lamanya kerana mempertemankan anak-anak raja tersebut. Dalam kesempatan ini beliau sempat belajar dengan ulama'-ulama' terkenal di tempat tersebut.

Semasa berada di Mesir beliau sempat berguru dengan beberapa tokoh gerakan reformasi yang terkenal. Di antaranya Syeikh Mohamad Abduh yang merupakan pengasas gerakan reformasi. Peristiwa bersejarah ini berlaku dalam tahun 1895 ketika beliau berumur 28 tahun dan Syeikh Muhamad Abduh berumur 46 tahun. Beliau banyak terpengaruh dengan gagasan reformasi yang dibawa oleh Syeikh Muhamad Abduh. Pengaruh tersebut telah disebarkan dalam perjuangan beliau. (Talib Samad,1992: 29)

Pemikiran dan Sumbangan

Dari jalur kehidupan pengajian dan pengalaman yang dilalui oleh Syed Syeikh kita dapati bahawa beliau mempunyai pengetahuan Islam yang mendalam dan semangat gerakan dan pembaharuan yang kuat. Beliau tidak semata-mata mengikut apa yang tertulis di dalam buku dan juga belajar hanya menghafal sahaja, bahkan beliau mempunyai pemikiran kritis yang sentiasa mahukan pengajaran Islam berkembang mengikut peredaran semasa dan sesuai dengan masyarakat setempat.

Pemikiran kritis beliau dapat lihat ketika mana beliau menuntut ilmu di pondok di Terengganu. Beliau banyak memberi ulasan bahawa belajar hanya secara menghafal tidak banyak memberi perubahan kepada diri pelajar dan masyarakat. Beliau meniupkan saranan supaya pendidikan hendaklah memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir dan menilai isi kandungan dengan suasana masyarakat semasa.

Pemikiran kritis beliau jelas dapat dilihat melalui pengajian Islam yang beliau lalui melalui lawatan ke beberapa buah negara Arab dan bertemu dengan pemikir-pemikir Islam yang mashur. Beliau banyak terpengaruh dengan pemikiran reformasi yang di bawa oleh tokoh-tokoh di Timur Tengah. Begitu juga beliau banyak melakukan reformasi dakwah dengan menggunakan cara dan teknik yang dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat seperti melalui majalah dan sebagainya.

Dakwah dan pemikiran reformasi beliau banyak disalurkan melalui media cetak seperti majalah dan buku. pengaruh reformasi yang beliau timba dari tokoh-tokoh di Timur Tengah dimuatkan dalam majalah-majalah yang diterbitkan dan juga buku-buku yang dikarang hasil daripada terjemahan dan saringan daripada pemikiran tokoh-tokoh tersebut.

Pemikiran reformasi beliau jelas dapat dilihat melalui sumbangan-sumbangan yang beliau salurkan untuk masyarakat. Hasil daripada pengaruh cara dakwah yang dilalui oleh Syaikh Muhammad Abduh melalui penulisan majalah kita dapat lihat bahawa Syed Syeikh bersama dengan kawan-kawannya seperti Syed Mohd Tahir Jalaluddin Al Azhari, Syeikh Mohamad bin Salim Al Kalali dan Haji Abbas bin Mohd Taha, berjaya menerbitkan majalah Al Imam pada tahun 1906. Dalam majalah inilah beliau menyebarkan pemikiran reformasi Islam kepada masyarakat.

Secara terangnya kandungan dan intisari majalah ini menekankan isu dan masalah utama seperti:

- Memperjuangkan Islam berdasarkan Quran dan Hadis Nabi.
- Memberi galakan kepada orang Melayu supaya melakukan ijtihad dan menjauhkan diri daripada taklid buta.
- Menyarankan sistem pendidikan baru, iaitu satu sistem yang berdasarkan pendidikan Islam yang sihat serta ditambah tentang pengetahuan bahasa Arab, Ingerish, hisab dan Agama.(Talib Samad, 1992: 21)

Dalam majalah ini juga beliau menyampaikan kepada masyarakat pandangan reformasi tokoh- tokoh terkenal di Timur Tengah dengan menterjemahkan karangan-karangan dan pendapat mereka. Majalah ini berjaya membawa mesej reformasi untuk kesedaran masyarakat bagi mengubah tanggapan dan sikat mereka yang negatif terhadap Islam.

Selepas berakhir riwayat majalah Imam, usaha beliau dalam mengembangkan gagasan reformasi diteruskan dengan diasaskan majalah Al Ikhwan pada September 1926. Beliau merupakan pengarang dan penerbit majalah tersebut. Di dada majalah inilah beliau mempersembahkan pemikiran reformasi Islam kepada masyarakat. Beliau memuatkan rencana-rencana yang kebanyakannya dipetik daripada pemikiran Syed Syeikh Muhamad Abduh. Begitu juga terjemahan Al Quran yang beliau usahakan daripada terjemahan tafsir yang dilakukan oleh Syeikh Muhamad Abduh turut dimuatkan dalam majalah ini. Beliau menggunakan akhbar Saudara bagi mengutarakan pandangan reformasinya.

Pengaruh pemikiran beliau juga dapat disalurkan melalui jawatan yang beliau sandang ketika dilantik sebagai peguam di Mahkamah Syariah Johor Bahru pada tahun1909. Beliau dapat mengembangkan jaringan reformasinya melalui tugas tersebut. Pemikiran kritis beliau banyak membantu dalam mengendalikan kes-kes berkaitan dengan syariah di mahkamah tersebut. Di antara perkara yang beliau tegaskan ialah wanita hendaklah mempunyai kebebasan dalam memilih pasangannya. Ibu bapa tidak boleh memaksa wanita untuk berkahwin dengan kehendak mereka walaupun Islam memberi hak mutlak kepada mereka. Begitu

juga kebahagiaan rumah tangga terletak kepada pemilihan pasangan yang tepat. Gagasan ini jelas kita dapat lihat dalam novel beliau.

Dalam bidang reformasi pendidikan pula kita dapat lihat bahawa beliau tidak bersetuju dengan cara tradisi yang lebih kepada menghafal serta tidak memberi peluang kepada pelajar untuk memikir secara kritis. Bagi meniup gagasan ke arah pendidikan yang positif dengan menggunakan akal pemikiran bagi menilai setiap masalah beliau menubuhkan beberapa buah sekolah Arab yang menjadi tunggak kepada kemunculan sekolah-sekolah selepas zamannya. Di antara sekolah yang pernah ditubuhnya ialah Madrasah Al Iqbal pada tahun 1907 di Singapura. Jaringan beliau diteruskan di mana sahaja beliau berada. Semasa menetap di Melaka beliau mengasakan Madrasah Al Hadi. Ketika berada di Pulau Pinang beliau menubuhkan Madrasah Al Masyhur pada tahun 1919. (Talib Samad, 1992: 23) Melalui sekolah-sekolah ini beliau berjaya menerapkan sistem madrasah dalam arus perkembangan pendidikan ketika itu yang memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir dan menduduki peperiksaan.

Dalam bidang penulisan pula, selain daripada menulis dalam majalah-majalah, beliau banyak menulis buku-buku tentang agama Islam dan menterjemah buku-buku dari bahasa Arab. Beliau turut menceburkan diri dalam bidang sastera dengan menterjemah dan adaptasi beberapa cerita dan novel dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Beliau berjaya memperkenalkan genre novel dalam sastera melayu moden di Malaysia dengan novel Faridah Hanom. Beliau dianggap sebagai perintis dalam penulisan novel yang meninggalkan kesan

mendalam kepada jenerasi penulis dan masyarakat pembaca. (Talib Samad,1992:54)

Novel ini dianggap sebagai novel pertama yang muncul dalam sastera melayu moden di Malaysia.(Johan Jaafar& Mohd. Thani Ahmad, 1992: 114) Ia membuka jalan kepada kemunculan novel-novel yang lain. Kesan perkembangannya dapat dilihat melalui kelarisan penjualannya sendiri. (S. H. Tan, 1968: 26) Ramai di kalangan ibu-bapa yang memberi nama kepada anak-anak perempuan mereka dengan nama Faridah Hanum atau Hanim. (Za'a, 1939: 154)

Novel tersebut dihasilkan hasil daripada pengaruh gagasan Syeikh Muhamad Abduh terhadap kebebasan wanita. Gagasan tersebut disempurnakan oleh Husain Haikal dalam novelnya Zainab. Bagi menggarapkan gagasan tersebut Syed Syeikh menulis novelnya dengan saringan dan adaptasi dari novel Zainab. Pembaca akan dapat melihat unsur-unsur persamaan di antara dua novel tersebut khususnya dalam menggarapkan mesej kebebasan wanita dalam memecahkan tradisi masyarakat yang menganggap bahawa tempat wanita hanya di dapur sahaja.

Novel ini berlatar belakang negara Arab khususnya Mesir. Wataknya dipilih daripada kalangan bangsawan masyarakat Mesir. Peristiwanya juga berkisar di sekitar bandar-bandar di Mesir khususnya di Kota Kaherah. Suasananya digambar berdasarkan budaya dan cara hidup kehidupan masyarakat Mesir.

Beliau memilih watak daripada keturunan bangsawan Mesir. Syafiq Affendi anak kepada seorang bangsawan Mesir. Begitu juga watak Faridah Hanom daripada keluarga bangsawan juga. Dua buah keluarga tersebut tinggal di banglo yang terletak di Jalan Abbasiyyah. Kisahnya berkisar di sekitar hubungan cinta di antara kedua remaja tersebut. Namun begitu cinta mereka tidak berakhir dengan perkahwinan disebabkan halangan yang membenteng. (Syed Ahmad Al Hadi, 1985: 13)

Persoalan Novel

Persoalan yang cuba diketengahkan oleh penulis ialah kebebasan wanita mengikut perspektif Islam daripada tradisi masyarakat yang sempit. Di antara kebebasan yang digarapkan bagi memecah busung tradisi masyarakat ialah wanita tidak terperap di rumah semata-mata, bahkan hendaklah keluar untuk menuntut ilmu pengetahuan, mempunyai hak untuk dirinya dalam menentukan masa depan tanpa dipaksa oleh keluarga, batasan pergaulan bagi membina jati diri yang tidak mudah terpengaruh dengan persekitaran. Novel beliau mengambarkan mesej ini dengan jelas.

Penulis mengemukakan adat masyarakat dalam menentukan perkahwinan anak perempuan mereka, iaitu kuasa bapa atau keluarga dalam menentukan perkahwinan anak perempuan mereka tanpa meminta persetujuan daripadanya terlebih dahulu. Itulah nasib yang diterima oleh Faridah Hanom. Keluarganya membuat keputusan perkahwinannya dengan sepupunya Bahruddin yang tinggal di Bandar Iskandariah. Perkahwinan tersebut tidak membawa kepada

kebahagiaan bahkan bercerai di pertengahan jalan. Akhirnya Faridah Hanom kembali berkahwin dengan Syafiq Affendi.

Dalam novel ini penulis cuba mengkritik budaya masyarakat yang tidak merai perasaan anak perempuan mereka dalam memilih pasangan. Faridah Hanom hanya mengikut sahaja kehendak ibu-bapanya tanpa membangkang walaupun beliau tidak dapat menerima Badruddin sebagai suaminya.

Penulis juga mengemukakan sifat jati diri remaja melalui watak Syafiq Affendi dan Faridah Hanom. Syafiq Affendi seorang remaja yang rajin dan tekun dalam melalui liku-liku hidupnya. Beliau bekerja di syarikat ayahnya dengan rajin dan tekun. Beliau tidak suka keluar berpoya-poya, bahkan menhabiskan masa lapangnya di rumahnya sahaja. Semasa bercinta dengan Faridah Hanom beliau memelihara maruahnya supaya tidak terlanjur dalam hubungan tersebut. Ini jelas ketika mana beliau memarahi Faridah Hanom yang memakai baju yang boleh menampakkan susur badannya. Sepanjang perhubungan cinta mereka tidak berlaku apa-apa hubungan keterlanjuran yang boleh mencemarkan nama keluarga.

Sifat jadi diri juga jelas digambarkan oleh Syafiq Affendi ketika mana beliau kecewa terhadap perkahwinan Faridah Hanom dengan sepupunya. Beliau mengambil keputusan untuk menyertai pasukan tentera bagi mempertahankan negara dengan menyertai pasukan tentera Mesir yang bertugas menjaga keamanan di Sudan. Bagi pendapat beliau, terkorban di medan perang untuk mempertahankan negara lebih baik daripada menderita akibat percintaan.

Sikap ketaatan anak perempuan pula kepada keluarganya turut dipaparkan melalui watak Faridah Hanom yang menurut segala kehendak keluarganya tanpa membantah walaupun perkara tersebut tidak disukainya. Semasa beliau dipinang, tidak sepatahpun perkataan ingkar dituturkan walaupun keputusan tersebut tanpa persetujuan daripadanya.

Beliau tetap patuh dan akur dengan keputusan keluarga. Begitu juga beliau tetap patuh dan taat kepada suaminya walaupun tidak menyintainya. Namun begitu tindakan suaminya yang suka berpoya-poya di kelab malam dan tidak bertanggung jawab itu membosankan beliau. Akhirnya beliau berunding dengan keluarganya dan keluarga suaminya untuk menuntut fasakh.

Sifat jati diri turut juga digambarkan melalui watak beliau yang sentiasa menjaga maruah diri. Semasa hanyut dalam arus percintaan beliau tidak terjebak dengan perbuatan terlanjur, bahkan beliau ingin mencuba keikhlasan Syafiq Afendi dengan memakai baju yang menjolok mata.

Turut diketengahkan dalam novel ini kepentingan menuntut ilmu pengetahuan kepada golongan wanita. (Syed Ahmad Al Hadi, 1985: 121) Kebebasan hak wanita dalam mempelajari ilmu pengetahuan perlu diberi kepada mereka. Ini jelas dapat dilihat melalui watak Faridah Hanom yang merupakan seorang wanita yang berilmu pengetahuan tinggi. Dari sudut bahasa pula beliau mahir dalam bahasa asing seperti bahasa Perancis. Bapanya mengupah guru bahasa Perancis khusus untuk mengajar beliau di rumah. Segala surat menyurat beliau dengan Syafiq Afendi ditulis dalam bahasa tersebut. Kebebasan ini telah

ditiupkan oleh gagasan reformasi Syeikh Muhamad Abduh yang meminta masyarakat memecahkan ruyung tradisi kampung yang tidak memberi pengajian kepada anak-anak perempuan mereka.

Di antara gagasan kebebasan wanita yang ditonjolkan ialah hak kebebasan rumah tangga dalam memilih pasangan yang sesuai. Kebahagiaan ini jelas digambarkan selepas perkahwinan Faridah Hanom dengan Syafiq Afendi. Kebahagiaan ini juga turut digambarkan melalui perbualan di antara Faridah Hanom dan bapa mentuanya dengan diketengahkan pandangan-pandangan Syeikh Muhamad Abduh. Perkahwinan dengan lelaki yang tidak sesuai dan tidak bertanggung jawab akan membawa kepada keruntuhan rumah-tangga dan penderitaan kepada pasangan.

Di antara hak kebebasan wanita juga yang turut dijelaskan ialah menuntut fasakh daripada suami yang tidak bertanggung jawab. Ini digambarkan melalui watak Faridah Hanom yang tidak tahan lagi hidup bersama suaminya yang berpoya-poya di kelab malam dengan wanita lain. Selama perkahwinan, beliau tidak pernah disentuh oleh suaminya yang sentiasa mabuk dan menghabiskan masa di kelab-kelab malam. Memikirkan masalah yang tidak berakhir, beliau berbincang dengan keluarganya dan akhirnya selepas mendapat persetujuan daripada keluarga suaminya beliau mengemukakan haknya kepada mahkamah Syariah untuk tuntutan fasakh.

Dari mesej-mesej yang disampaikan melalui novel ini jelas menunjukkan bahawa Syed Syeikh Al Hadi berjaya menyebarkan gagasan reformasinya kepada

masyarakat melalui media sastera khususnya novel. Mesej yang dibawanya memberi kesan positif kepada masyarakat. Novel ini berjaya menarik minat pembaca dan menjadi sumber kepada kemunculan novel-novel yang lain selepasnya dengan dijadikan wanita sebagai watak utama dan permasalahan wanita sebagai tema.

Melalui gagasan yang dipeloporinya beliau berjaya menembusi benteng sastera dengan memperkenalkan bentuk novel dalam sastera Melayu moden di Malaysia. Novel ini mempunyai dua jaringan utama. Pertama berjaya menggarapkan gagasan reformasi yang dibawa. Kedua berjaya menembusi benteng sastera dengan penonjolan bentuk baru yang menjadi plopor dalam perkembangan sastera. Syed Syeikh melalui gagasan reformasinya berjaya membawa pembaharuan. Beliau berjaya dengan gagasan reformasi menembusi benteng perkembangan dan pembangunan masyarakat. Gagasan beliau dimuatkan dalam media sastera moden iaitu novel bagi menembusi sasarannya.

Plot

Novel Faridah Hanom berkisar di sekitar hubungan percintaan terhalang di antara Syafiq Afendi dan Faridah Hanom di sebabkan wujud orang ketiga mengahwini Faridah. Perhubungan terhalang ini akhirnya dapat dijalinkan semula dengan hubungan perkahwinan selepas Faridah Hanom diceraikan oleh suaminya. Ia bermula dengan pertemuan dua mata di antara Syafiq Afendi dan Faridah Hanom di tepi jalan menuju ke rumahnya. Peristiwa ini berlaku di suatu petang ketika mana Syafiq Afendi bersiar-siar dan Faridah Hanom pulang

menuju ke rumahnya. Pertembungan dua pasang mata itu membuahkan putik percintaan di antara mereka berdua. Masing-masing menunggu peluang untuk bertemu. Akhirnya penantian mereka berhasil, dengan pertemuan kali pertama di taman di kawasan rumah Faridah Hanom.

Pertemuan pertama ini melahirkan beberapa siri pertemuan selepasnya. Syafiq Afendi dan Faridah Hanom mula keluar berjumpa di luar kawasan rumah. Mereka berjumpa dengan menaiki kereka kuda yang bersiar-siar di sepanjang jalan menuju ke Jazirah dan adakalanya menuju ke taman Azbakiah dan juga Ahram. Mereka bersiar-siar bermula dari jalan Abbasiah menuju ke Abidin, Babul Luq, Qasrul Ain dan tiba di Jazirah atau menuju ke Ahram. Terdapat juga masa-masa tertentu mereka bersiar-siar di persisiran sungai Nil. Begitu juga mereka mengambil angin dan berehat di Jazirah bagi menikmati keindahannya.

Pertemuan mereka akhirnya berpusat di suatu tempat yang jauh daripada pandangan masyarakat. Syafiq Afendi menyewa sebuah rumah di pinggir kota untuk dijadikan tempat bagi mereka bertemu. Rumah tersebut diurus oleh khadamnya. Setiap waktu yang dijanjikan mereka berdua datang ke rumah tersebut bagi menghilangkan bahang rindu. Pada suatu hari terjadi perbalahan di antara mereka berdua berpunca daripada keinginan Faridah Hanom untuk menguji keikhlasan Syafiq Afendi. Beliau memakai pakaian yang warnanya seperti warna kulit tubuhnya dan ketat mencengkam tubuhnya seolah-olah tidak memakai pakaian. Syafiq Afendi terkejut apabila melihat keadaan tersebut dan terus memarahi Faridah di atas tindakannya.

Hubungan percintaan mereka tidak berkekalan dengan kewujudan orang ketiga. Ayah Faridah Hanom menerima peminangan daripada saudaranya untuk dikahwinkan Faridah dengan Badaruddin. Sejak peminangan itu diterima perhubungan mereka retak dan terpaksa diputuskan. Selepas berkahwin Faridah hanom hidup dengan suaminya di rumah mereka di bandar Iskandariah. Syafiq Afendi pula membawa diri dengan menyertai kolej tentera kemudian menyertai pasukan pengaman di Sudan. Selepas misinya berjaya, beliau kembali ke Kaherah dan terus tinggal di bandar Iskandariah dengan tujuan tidak mahu bertembung dengan Faridah kerana sangkaannya Faridah tinggal di rumah bapanya.

Perhubungan cinta di antara mereka berdua mula berputik semula ketika pertembungan pandangan di antara mereka berdua di bandar Iskandariah. Syafiq terus pulang ke Kaherah. Faridah pula turut pulang ke rumah bapanya dengan membuat rayuan di mahkamah Syariah untuk meminta fasakh daripada suaminya yang tidak bertanggung jawab. Selepas mahkamah meluluskan permohonannya, hubungan di antara mereka mula aktif semula. Pertemuan mula terjalin dan aktif sehari demi sehari. Akhirnya perhubungan mereka berdua membuahkan hasil dengan ikatan perkahwinan yang direstui oleh kedua-dua keluarga.

Watak

Novel ini mengandungi tiga watak utama yang menyumbang kepada perkembangan peristiwa. Di samping mereka terdapat juga beberapa watak

sampingan yang menyumbang kepada perkembangan tersebut. Watak-watak utama ini terbahagi kepada dua watak lelaki. Mereka ialah Syafiq Afendi dan Baharuddin. Manakala watak wanita pula ialah Faridah Hanom. Watak-watak sampingan seperti Kasim bey bapa kepada Syafiq Afendi , Talaat Bey bapa kepada Faridah., Kadiu Ismail dan beberapa orang khadam.

Faridah Hanom	Faridah Hanom seorang wanita yang mempunyai sifat-sifat kesempurnaan fizikal, rupa paras yang tiada bandingannya di kalangan wanita-wanita sebaya dengannya, memiliki sifat-sifat lemah lembut, sopan santun dan berbudi bahasa. Beliau mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi di samping mahir berbahasa asing seperti Perancis. Anak kepada orang kaya yang tinggal di sebuah banglo terletak di jalan Abbasiah. Mempunyai sifat jati diri yang tinggi bagi memelihara maruah diri dan keluarga. Mempunyai hubungan percintaan dengan Syafiq Afendi dan sentiasa keluar berjumpa

	dengannya. Sepanjang perjumpaan tersebut beliau sentiasa memelihara tatasusilan seorang wanita. Berkahwin dengan sepupunya yang tidak dicintai. Menghadapi kekecewaan kehidupan selepas bapanya menerima peminangan daripada sepupunya. Meneruskan kehidupan yang tidak bermakna bersama suami yang tidak bertanggung jawab. Mendapat hak fasakh daripada mahkamah Syariah. Dapat menikmati kehidupan sebenar dengan berkahwin dengan bekas kekasihnya.
Syafiq Afendi	Anak kepada Kasim Bey orang kaya yang tinggal di sebuah banglo terletak di jalan Abbasiah. Mempunyai rupa paras yang tiada bandingannya dengan rakan sebaya. Mempunyai sifat-sifat seorang remaja seperti jujur, ikhlas, bertanggung jawab dan berbudi bahasa. Bekerja di syarikat bapanya

	dengan tekun dan jujur. Mempunyai kehidupan mewah yang diberi oleh bapanya. Menjalinkan hubungan cinta dengan Faridah Hanom dan sentiasa keluar berjumpa dan bersiar-siar dengannya. Mengalami kekecewaan hidup disebabkan kekasihnya berkahwin dengan lelaki lain. Tegas dalam membuat keputusan untuk kepentingan dirinya dengan memasuki akademi tentera. Sanggup berjuang untuk negara dengan menyertai pasukan pengaman di Sudan. Mempunyai jiwa sensitif dengan tidak mahu bertembung dengan bekas kekasihnya dan sanggup tinggal bejauhan di bandar Iskandariah. Beliau dapat menikmati kehidupan yang penuh bermakna ketika hubungan percintaannya dapat diteruskan dengan bekas kekasihnya.

	Menikmati kehidupan berumah tangga dengan berkahwing dengan bekas kekasihnya.
Badaruddin	Anak saudara kepada Talaat Bey dan sepupu kepada Faridah Hanom. Tinggal di Bandar Iskandariah bersama-sama ibu dan bapanya. Jodohnya dipilih oleh keluarganya yang datang meminang Faridah Hanom untuknya. Berkahwin dengan Faridah Hanom yang diuruskan oleh keluar. Suami yang tidak bertanggung jawab terhadap isteri dan kehidupannya. Sentiasa menghabiskan masa di kelab-kelab dengan hiburan dan arak. Tidak menikmati kehidupan berumah tangga dengan isteri yang dipilih oleh keluarga. Menceraikan isterinya sesudah mendapat tuntutan daripadanya.
Kasim Bey	Bapa kepada Syafiq Afendi. Orang kaya yang tinggal di sebuah banglo

	terletak di jalan Abbasiah. Mempunyai syarikat sendiri. Bertanggung jawab dalam memberi pelajaran kepada anaknya. Memberi kemewahan hidup sepenuhnya kepada anaknya. Bersifat terbuka dalam menerima keputusan yang dibuat oleh anaknya. Memberi nasihat kepada anak dan menantunya untuk hidup bahagia.
Talaat Bey	Bapa kepada Faridah Hanom. Orang kaya yang tinggal di sebuah banglo terletak di jalan Abbasiah. Bertanggung jawab dalam memberi pendidikan kepada anaknya. Menggaji guru khusus untuk mengajar anaknya bahasa Perancis. Membuat keputusan untuk menentukan masa depan anaknya dengan menerima peminangan saudaranya untuk dijodohkan anaknya dengan Faridah Hanom. Mempunyai rasa tanggung jawab di atas keputusan yang telah

	dibuatnya. Memberi kebebasan kepada anaknya untuk membuat keputusan sendiri dengan merestui perceraiannya kemudian mengahwinkan anak perempuannya dengan pilihan mereka.
Khadiau Ismail	

Latar

Plot dan peristiwa novel ini berkisar di sekitar latar kota Kaherah yang berpusat di bandar Abbasiah. Terletak di jalan Abbasiah dua buah banglo yang dimiliki oleh Kasem Bey dan Talaat Bey. Peristiwanya berkisar di sekitar tempat-tempat berdekatan dengan bandar Abbasiah seperti jalan Babul Luq, jalan Abidin, jalan Qasrul Nil, Taman Azbakiyyah di bandar Atabah, Abidin, Al Jazirah dan Ahram. Syafia Afendi dan Faridah Hanom keluar bersiar-siar di sekitar tempat-tempat tersebut.

Latar tempat turut mengambarkan latar bandar Iskandariah yang menjadi tempat tinggal bapa saudara Faridah Hanom dan tempat beliau dan suaminya tinggal.

Begitu juga tempat pilihan Syafiq Afendi selepas kembali daripada Sudan. Sudan turut digambarkan sebagai tempat Syafiq bertugas sebagai tentera pengaman.

Turut digambarkan masyarakat kota yang hidup dengan penuh kemewahan. Rumah-rumah diurus oleh khadam-khadam. Masyarakat yang meraikan perayaan dengan penuh kemewahan seperti menyambut hari jadi dan perayaan yang lain. Turut digambarkan kemewahan hidup masyarakat dalam gambaran anak-anak muda belajar di kolej-kolej yang ternama.

BAB III

NOVEL ZAINAB

Pengenalan Penulis

Di akhir kurun ke sembilan belas Muhammad Husain al Haikal dilahirkan pada 20 Ogos tahun 1888 di kampung Kufr Ghanam jajahan al Simbilawin dalam negeri al Dekhiliah, Mesir. Beliau berketurunan Turki yang hidup dengan penuh kemewahan dan peradaban yang tinggi. Bapa beliau seorang ketua kampung yang disegani oleh masyarakat. Beliau merupakan anak sulung dalam keluarganya dan mendapat peluang pengajian yang baik. Pada usia kanak-kanak lagi beliau dihantar belajar dengan seorang guru di kampungnya. Beliau juga menghafal sebahagian daripada al Quran. (Taha Wadi, 1969: 27)

Slepas itu beliau memasuki sekolah rendah, Sekolah al Jamaliah. Pada tahun 1901 beliau mendapat sijil persekolahan ketika berumur 13 tahun. Kemudian beliau menyambung pelajaran di kota Kaherah dengan memasuki Sekolah al Khadawiah, tinggal bersama bapa saudaranya yang merupakan seorang ulama' al Azhar. Bersama bapa saudaranya beliau mengambil kesempatan untuk mendalami ilmu bahasa dan sastera. Dalam musim cuti persekolahan beliau kembali ke kampung dan memenuhi masanya dengan mengajar di sekolah di kampungnya. (Taha Wadi, 1969: 28)

Pada tahun 1905 beliau mendapat ijazah. Ketika berumur 17 tahun beliau menyambung pelajaran dalam bidang undang-undang. Walau bagaimanapun

beliau tetap berminat dengan sastera. Dalam masa yang sama beliau menulis beberapa artikel yang terpengaruh dengan gaya Syeikh Muhammad Abduh dalam gagasan reformasinya.

Semangat beliau untuk menuntut ilmu terus membara. Pada tahun 1909 beliau berangkat ke Perancis bagi menyambung pelajaran dalam bidang undang-undang. Dalam tahun yang sama beliau memulai kegiatan penulisan dengan menulis buku Yaumiyatihi. Pada tahun 1910 beliau mula menulis novel Zainab. (Taha Wadi, 1969: 32)

Pada musim panas tahun 1911 beliau kembali bercuti di Kaherah. Bagi memenuhi masa lapangnya beliau menulis di surat khabar yang menjadi tarikan pembaca. Pada bulan Ogos tahun 1912 beliau menamatkan pengajiannya di peringkat doktor falsafah dan kembali ke Mesir dengan membawa tiga buah buku hasil karangannya. (Taha Wadi, 1969: 35)

Dari sudut pengetahuan yang dimuliki oleh Haikal boleh disimpulkan bahawa beliau memiliki dua pengetahuan asas. Pertama pengetahuan tentang kenudayaan Arab. Kedua pengetahuan tentang kebudayaan asing, iaitu kebudayaan Perancis. (Ahmad Zalat, 1988: 71)

Sejak kecil lagi beliau cenderong kepada budaya dan sastera Arab. Beliau membaca buku-buku sastera dan terlibat dengan kegiatan kebudayaan. Beliau hidup dalam arus kebangkitan politik dan reformasi pemikiran yang dibawa oleh tokoh-tokoh terkenal. Sejak menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah beliau menumpukan perhatian kepada bidang budaya dan sastera

dengan membaca penulisan-penulisan tentangnnya. Buku-buku klasik yang ditulis oleh tokoh-tokoh tersohor menjadi sumber utama pemikiran beliau. Begitu juga buku-buku kisah Arab klasik seperti Haiyu bin Yaqazan, Hikayat Seribu Satu Malam dan beberapa cerita rakyat.

Di samping membaca, beliau juga turut melibatkan diri dalam seminar-seminar sastera dan budaya yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu. Begitu juga beliau turut mengadakan hubungan dengan tokoh-tokoh sastera dan pensyair agong seperti Hafiz dan Matran. Beliau turut terlibat dalam aktiviti-aktiviti reformasi sastera dan polotik. Beliau turut menulis tentang pengiat sastera seperti pensyair agong Ahmad Syauqi dan menulis pra kata bagi antologi pensyair Al Barudi.

Dengan penglibatan dalam bidang sastera yang ditunjukkan itu beliau dilantik sebagai anggota Dewan Bahasa dan Sastera pada tahun 1940. Dengan jawatan tersebut beliau mengambil peluang untuk mempergiatkan lagi aktiviti sastera dengan menganjurkan beberapa aktiviti sastera dan seminar.

Bagi membentuk pemikiran dan pengetahuan sastera dan budaya, beliau banyak terpengaruh dengan tokoh-tokoh terkenal seperti Ahmad Lutfi al Sayyed yang merupakan tokoh reformasi pemikiran yang banyak membuat pembaharuan dalam masyarakat. Hasil pengaruh tersebut beliau menambah bahan bacaan dalam bahasa Ingerish. Beliau diberi amanah oleh Ahmad Lutfi untuk menulis artikel dalam surat khabar al Jaridah pada tahun 1911. Kemudian beliau

dicalonkan sebagai ketua pengarang surat khabar al Siasah pada tahun 1922. (Abdul Aziz Syaraf, 1986: 42)

Tokoh kedua yang menjadi sumber pengetahuan beliau ialah Sayyed Syeikh Muhammad Abduh. Ketika beliau berumur 17 tahun beliau sudahpun terpengaruh dengan reformasi yang dibawa oleh Syaikh dengan membaca buku-buku yang ditulis olehnya. Semasa di Perancis juga beliau tidak ketinggalan membaca tulisan syed Syeikh.

Di samping tokoh di atas, beliau terpengaruh juga dengan Kasim Amin melalui pembacaan buku-buku tulisannya seperti buku Kebebasan Wanita. Beliau turut terpengaruh dengan gagasan kebebasan wanita yang dilaungkan oleh tokoh tersebut. Pengaruh beliau jelas dapat dilihat ketika beliau menulis tentang tokoh tersebut dalam bukunya.

Dari sudut pemikiran dan pengetahuan tentang budaya dan sastera luar khususnya Perancis kita dapat dilihat dengan jelas pengaruh tersebut dalam buku-buku beliau. Pengaruh ini banyak memberi kesan kepada beliau khususnya ketika beliau berada di Perancis semasa meneruskan pengajiannya. Di samping bidang undang-undang yang diikuti beliau, bidang sastera dan budaya tidak dilupakan. Beliau turut mendalami bidang-bidang tersebut melalui bacaan dan persekitaraan. Pengaruh tersebut dapat dilihat dalam buku-buku beliau, khususnya novel Zainab.

Tokoh yang menjadi sumber utama beliau ialah Roso. Beliau menulis tentang bibliografi tokoh tersebut dalam bukunya. Juzuk pertama buku tersebut

diterbitkan pada tahun 1921. Juzuk kedua pula diterbitkan pada tahun 1923. Buku-buku tokoh tersebut mempengaruhi pemikiran beliau khususnya novel Julie yang menjadi sumber utama bagi beliau untuk menghasilkan novel Zainab.

Hasil gabungan pengetahuan dan budaya yang dimiliki, dapat membentuk peribadinya sebagai seorang tokoh reformasi dan sasterawan. Hasil daripada budaya dan pengetahuan yang dimilikinya itu beliau dilantik pelbagai jawatan dalam kerajaan dan badan-badan kebudayaan. Selepas kembali daripada Perancis pada tahun 1912 beliau membuka pejabat guamannya sendiri di Bandar Mansurah. Di samping itu juga beliau giat menulis dalam surat khabar al Jaridah dan al Sufur. Dalam masa yang sama beliau dijemput untuk mengajar di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kaherah.

Sebagai aktivis dalam penulisan artikel, beliau dilantik sebagai ketua pengarang kepada surat khabar al Siasah pada tahun 1922. Beliau mengambil kesempatan tersebut untuk menyebarkan pemikiran reformasinya. Pada tahun 1936 beliau dilantik sebagai setiausaha parlimen. Dengan pengetahuan dan aktiviti yang positif pada tahun 1937 beliau dilantik sebagai menteri pendidikan. Semasa memegang jawatan tersebut banyak pembaharuan yang dilakukannya dan juga menubuh badan-badan kebudayaan dan sastera termasuklah menubuh Universiti Iskandariah.

Novel Zainab yang ditulisnya merupakan novel Mesir pertama yang menonjolkan ciri-ciri kesenian. Beliau menggambarkan kehidupan masyarakat kampung

dengan gambaran indah yang tidak pernah diterokai oleh penulis lain. (Syauqi Dhaif, 1992: 270)

Beliau berjaya menghasilkan penulisan ini hasil daripada terpengaruh dengan kisah-kisah Perancis yang dibacanya. Beliau juga terpengaruh dengan arus romansi yang menjayakannya menggambarkan gambaran realiti pendalaman dengan gabungan perasaan watak-wataknya. (Muhammad Zaghlul, tt: 119)

Dalam novel tersebut beliau menggambarkan gambaran alam semula jadi suasana pendalaman. Beliau turut berbangga dengan kehidupan kampong. Ini jelas dapat dilihat ketika beliau menurunkan tanda tangannya pada novel tersebut dengan nama Petani Mesir. (Taha Wadi, 1997: 31)

Persoalan

Persoalan utama yang cuba ditonjolkan oleh novel Zainab ialah kebebasan wanita. Beliau cuba menimbulkan kebebasan wanita untuk memecahkan tradisi budaya kehidupan, khususnya masyarakat kampung. Wanita dalam tradisi kampung hanyalah berada di rumah sahaja dan tidak mempunyai hak sendiri untuk menentukan masa hadapannya. Turut tidak diberi hak kepada mereka ialah hak pendidikan. Dalam novel ini, penulis cuba menonjolkan hak-hak yang perlu kepada wanita khusunya keluar bekerja bagi membantu keluarga.

Di awal perjalanan cerita didapati persoalan pertama ditonjolkan. Iaitu kebebasan wanita untuk keluar rumah bagi mencari rezeki atau bekerja. Zainab yang merupakan wanita kampung sanggup keluar bekerja di ladang bagi

membantu bapanya menyara adik-adik yang masih kecil. Beliau dengan rela hatinya sanggup bekerja sebagai buruh di ladang kepunyaan seorang kaya di kampungnya. Walaupun sibuk dengan kerja-kerja ladang Zainab tetap bertanggung jawab menguruskan rumah dan adik-adiknya. Setiap pagi sebelum keluar ke ladang beliau menyediakan sarapan untuk mereka. Begitu juga beliau tetap menunaikan tanggung jawabnya untuk menguruskan rumahnya seperti mengemas rumah dan mencuci pakaian adik-adiknya.

Kebebasan keluar rumah untuk menuntut ilmu dan meziarahi keluarga turut didedahkan melalui watak Azizah. Beliau seorang wanita bandar yang bebas keluar untuk menuntut ilmu pengetahuan di institusi pengajian tinggi. Kebebasan ini diberi sepunuhnya oleh bapa beliau. Di musim cuti semester pula beliau keluar menziarahi keluarga bapa saudaranya yang tinggal di kampung.

Kebebasan yang mengkritik kehidupan tradisi masyarakat kampung ialah hak wanita untuk menentukan masa hadapannya dengan memilih pasangan yang disukainya. Novel ini mempersembahkan kebebasan tersebut melalui watak Azizah dan Zainab. Azizah walaupun berpendidikan tinggi tetapi tidak mempunyai hak untuk memilih pasangan hidupnya. Beliau hanya mengikut keputusan yang dibuat oleh bapanya walaupun hatinya tidak meredhai pilihan tersebut.

Persoalan yang sama turut didedahkan melalui watak Zainab. Beliau seorang wanita kampung yang tekun dan rajin bekerja tidak diberi hak untuk memilih pasangan hidupnya. Bapanya mempunyai hak mutlak dalam memutuskan

pasangan untuknya. Semasa peminangan Hassan diterima beliau hanya mendengar sahaja dan tidak mempunyai hak untuk bersuara walaupun tidak disenangginya. Segala-galanya terletak kepada keputusan mutlak bapanya. Akhirnya perkahwinan yang tidak disukainya itu membawa kepada penderitaan hidup.

Persoalan jati diri remaja turut dipamerkan melalui watak-watak novel. Jati diri untuk terus berjaya dalam menuntut ilmu dapat dilihat melalui watak Azizah dan Hamid. Begitu juga jati diri dalam membina masa depan melalui berkerja dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh dapat dilihat melalui watak Ibrahim, Zainab dan Hassan.

Di samping itu juga jati diri dalam memelihara maruah diri dan keluarga ditonjolkan melalui watak Ibrahim dan Zainab. Walaupun mereka mabuk dalam percintaan tetapi maruah diri dan keluarga tetap dipelihara. Sepanjang hubungan percintaan dan perjumpaan di tepi-tepi ladang tidak berlaku perkara-perkara sumbang di antara kedua mereka.

Plot

Peristiwa novel ini berkisar di sekitar latar kampung yang penuh dengan budaya hidup perkampungan. Masyarakatnya terdiri daripada masyarakat petani yang bekerja di ladang. Suasana kampung digambarkan dengan begitu indah dengan pemandangan ladang menghijau yang terbentang luas. Di pinggirnya terdapat anak-anak sungai yang dipagari oleh pohon-pohon kurma yang rendang menghijau.

Plot Novel Zainab berkisar di sekitar kegagalan percintaan di antara lelaki dan wanita dalam membina mahligai perkahwinan. Ia bermula dengan pertemuan di ladang di antara Hamid dan Zainab. Hamid yang pulang bercuti di kampungnya terpandang kejelitaan Zainab yang berjalan menuju ke ladang untuk bekerja. Perhubungan cinta mereka berputik dan akhirnya membawa kepada pertemuan. Namun begitu mereka menyedari bahawa jarak perbezaan taraf hidup di antara keduanya tidak membolehkan mereka berkahwin. Zainab mula merubah haluan sendiri.

Hamid pula mula bercinta dengan Azizah sepupunya yang tinggal di kota. Mereka sering bertemu ketika Azizah menziarahinya di kampung. Selain daripada berjumpa mereka berdua juga sering berutus surat untuk menyatakan perasaan masing-masing. Surat-surat mereka ditulis dalam bahasa Perancis supaya rahsia keduanya tidak diketahui oleh orang lain. Perhubungan di antara Hamid dan azizah berakhir dengan kekecewaan ketika mana Azizah berkahwin dengan lelaki lain.

Zainab mula mendapat perhatian daripada Ibrahim penyelia ladang tempat beliau bekerja dengan sebab kerajinan dan kecantikannya. Perhubungan mereka mula terjalin dengan perjumpaan di ladang semasa bekerja. Jalinan percintaan menjadi lebih erat dengan pertemuan-pertemuan yang dirancang selepas waktu bekerja. Mereka selalu bertemu di pinggir ladang di bawah pohon-pohon kayu di tepi persisiran tali air.

Perhubungan mereka terhalang dengan sebab muncul watak Hasan dalam kehidupan Zainab. Keluarga Hasan datang ke rumah Zainab untuk meminangnya. Peminangan tersebut dipersetujui oleh bapa Zainab tanpa bertanya atau berbincang dengannya. Zainab hanya menerima keputusan yang dibuat oleh bapanya. Konflik ini berlaku menyebabkan peristiwa kisah bercabang dengan haluan masing-masing. Zainab ddengan kehidupan barunya di rumah suaminya. Ibrahim pula membawa diri bagi mencari ketenangan.

Ibrahim membuat keputusan untuk pergi ke Sudan bagi menyertai pasukan pengaman. Beliau menghabiskan masanya dengan menganggotai pasukan tersebut bagi menjaga keamanan di negara tersebut. Pada pandangan beliau, mati di medan peperangan lebih baik daripada hidup menderita akibat percintaan.

Zainab memulakan kehidupan rumah tangganya dengan suami yang tidak dicintainya. Beliau hidup menanggung derita percintaan dengan kekasihnya, walaupun hidup di samping suami yang bertanggung jawap. Hasan seorang suami yang baik dan jujur sentiasa mengambil berat terhadap isterinya. Penderitaan Zainab akhirnya mengundang penyakit kepadanya. Beliau jatuh sakit yang tidak ada penawar untuk mengubatinya walaupun beberapa doctor datang merawatnya. Sakit beliau bertambah teruk sehari demi sehari dan akhirnya beliau meninggal dunia.

Watak

Novel ini mengandungi lima orang watak yang memainkan peranan utama dalam menjayakan peristiwanya. Dua daripada mereka wanita dan tiga orang lelaki. Wataknya muncul dengan menyambung peristiwa yang dimainkan oleh watak terdahulu dan lenyap dipertengahan cerita.

Zainab	Zainab ialah watak wanita yang muncul di awal cerita. Beliau merupakan watak utama cerita dan penggerak utama peristiwa kisah. Zainab seorang wanita kampung yang bekerja di ladang bagi membantu bapanya untuk menyara keluarga. Beliau seorang wanita yang mempunyai sifat jati diri, tabah dan daya tahan dalam menghadapi cabaran hidup. Mempunyai paras rupa yang menawan sehingga Hamid terpegun dengan kejelitaannya. Bekerja dengan rajin dan ikhlas sehingga menarik perhatian penyelia ladangannya. Beliau sentiasa menjaga maruah diri dan keluarga dengan menjaga tingkah laku semasa berjumpa dengan kekasihnya sehingga tidak melakukan perbuatan sumbang. Perwatakannya menarik perhatian bapa Hasan yang ingin menjodohkannya dengan Hasan. Beliau berkahwin dengan Hasan

	dan hidup bersamanya walaupun tidak mencintainya. Akibat daripada menanggung penderitaan cinta, beliau jatuh sakit. Sakit beliau bertambah tenat sehari demi sehari dan akhirnya beliau meninggal dunia.
Azizah	Watak wanita kedua yang muncul dalam perjalanan cerita. Beliau muncul selepas kemunculan Zainab dan peristiwanya berkisar di sekitar hubungan percintaannya dengan Hamid. Beliau sepupu kepada Hamid, seorang wanita yang berpendidikan tinggi sedang belajar di salah sebuah universiti di bandar Kaherah. Setiap cuti semester beliau menghabiskan cutinya dengan menziarahi bapa saudaranya, iaitu bapa kepada Hamid di kampung. Beliau menjalinkan hubungan percintaan dengan Hamid. Bagi menyatakan isi hati semasa berjauhan beliau sering kali mengutus surat kepada Hamid. Surat-surat tersebut ditulis dalam bahasa Perancis supaya rahsia mereka berdua tidak diketahui oleh orang lain. Hubungan percintaannya terhalang ketika mana bapanya menerima peminangan daripada lelaki lain yang

	tidak dicintainya. Akhirnya beliau berkahwin dengan lelaki tersebut dan lenyap daripada perjalanan peristiwa kisah.
Hamid	Merupakan watak lelaki yang muncul pada permulaan kisah. Beliau seorang remaja tampan anak kepada tuan ladang di kampungnya. Beliau hidup dengan penuh kemewahan. Mempunyai pengetahuan yang tinggi dan sedang belajar di salah sebuah universiti di bandar Kaherah. Setiap cuti semester beliau pulang ke kampungnya bagi menghabiskan cuti. Semasa di kampung beliau jatuh hati kepada Zainab yang bekerja di ladang bapanya. Beliau menjalinkan hubungan cinta dengan Zainab dan sentiasa berjumpa dengannya. Beliau menyedari bahawa hubungannya dengan Zainab tidak akan membawa hasil kerana terdapat jurang taraf hidup yang berbeza. Beliau membuat keputusan berpisah dengan Zainab dan menjalinkan hubungannya dengan sepupunya Azizah. Beliau sentiasa mengutus surat kepada Azizah bagi menyatakan isi hati ketika berjauhan. Beliau merupakan seorang remaja yang tidak

	dapat menikmati hasil percintaan. Hubungannya dengan Azizah terhalang dengan sebab beliau berkahwin dengan lelaki pilihan keluarganya. Selepas kecewa dengan kehidupan yang tidak dapat mencapai apa yang dihajatinya beliau lenyap daripada arus peristiwa kisah.
Ibrahim	Watak lelaki kedua yang muncul dalam arus peristiwa kisah. Beliau seorang remaja yang tekun bekerja di ladang dan dilantik menjadi penyelia ladang. Bertanggung jawab dalam menjalankan tugasnya dengan dedikasi. Dalam melaksanakan tugasnya beliau terpikat dengan Zainab yang merupakan pekerja ladang di bawah seliaan beliau. Hubungan percintaan di antara beliau dan Zainab terjalin. Pada peringkat permulaannya beliau sering berjumpa dengan Zainab semasa berkerja di ladang. Selepas beberapa lama mengenali Zainab beliau mengatur pertemuan dengannya di waktu luar daripada waktu kerja di tempat-tempat yang lebih selesa seperti di pinggir ladang, di tepi anak sungai di ladang yang dihiasi dengan pohon-pohon rendang. Beliau merupakan lelaki malang yang

	tidak dapat menikmati hasil percintaan ketika mana Zainab berkahwin dengan lelaki pilihan keluarganya. Beliau tegas dalam membuat keputusan untuk masa depan dirinya dengan memilih pergi ke Sudan bagi menyertai pasukan pengaman di sana. Bagi pendapat beliau, mati di medan peperangan adalah lebih baik daripada derita percintaan yang tidak berbalas. Watak beliau akhirnya lenyap daripada arus peristiwa kisah.
Hasan	Seorang remaja yang tekun dan ikhlas bekerja. Hasil daripada ketekunan dan kejujuran ini bapa beliau mencari jodoh yang sesuai untuknya. Beliau dijodohkan dengan Zainab dan hidup berumah tangga dengannya. Beliau seorang lelaki yang rajin dan bertanggung jawab dalam keluarganya. Walaupun beliau tidak mendapat tempat di hati Zainab, tetapi beliau tetap memberikan tanggung jawabnya. Watak beliau berakhir dengan berakhirnya arus cerita dengan kematian Zainab dan beliau menerima takdir itu dengan hati yang terbuka.

Watak-watak di atas menunjukan bahawa arus perjalanan cerita berkisar di sekitar watak-watak tersebut dengan bersilih ganti di antara mereka. Selain daripada mereka terdapat juga watak-watak sampingan seperti keluarga Hamid, keluarga Zainab, keluarga Hasan, pekerja ladang dan beberapa tokoh lain yang muncul dalam cerita secara kebetulan sahaja.

Peristiwa

Peristiwa cerita ini berkisar di sekitar watak-watak utamanya yang silih berganti muncul dan lenyap. Peristiwanya bagaikan anyaman di antara watak-watak tersebut yang membentuk satu arus cerita yang menarik. Ia berkisar di sekitar percintaan di antara remaja yang menghadapi kegagalan dalam mencapainya. Peringkat permulaan, hubungan cinta ini terjalin di antara Zainab dan Hamid. Mereka berdua sentiasa bertemu dan berjumpa bagi mengubati perasaan rindu dengan keluar bersiar-siar di sekitar ladang. Sesudah menyedari bahawa hubungan di antara mereka tidak akan berakhir dengan perkahwinan di sebabkan jurang taraf kehidupan, masing-masing membawa haluan sendiri. Hamid menjalinkan hubungan cinta dengan sepupunya yang tinggal di kota. Mereka sentiasa berjumpa ketika cuti semester. Surat menyurat menjadi penghubung utama semasa berjauhan. Hamid dan Azizah sentiasa mengutus surat bagi melahirkan isi hati mereka. Surat-surat tersebut di tulis dalam bahasa Perancis supaya rahsia mereka berdua tidak diketahui oleh orang lain. Hubungan mereka menghadapi jalan buntu ketika mana Azizah dijodohkan dengan lelaki yang tidak dicintai.

Zainab selepas membawa haluan sendiri bertemu dengan penyelia ladangnya. Mereka menjalinkan hubungan percintaan. Pertemuan sentiasa subur di antara mereka semasa berada di ladang ketika berkerja. Selepas beberapa lama mengenali isi hati pertemuan di antara mereka mengambil tempat yang lebih selesa di pinggir ladang dengan bertemu di bawah pohon-pohon yang rimbun di persisiran tali air. Pertemuan mereka aktif sehinggalah Zainab dijodohkan dengan Hasan lelaki yang tidak dicintainya. Peristiwa menjadi konflik dengan haluan masing-masing.

Ibrahim dengan perasaan kecewanya membuat keputusan untuk menyertai pasukan pengaman di Sudan. Pada hari yang dijadualkan beliau menaiki kereta api di kampungnya menuju ke kota kaherah. Dari kota Kaherah beliau bertolak ke Sudan. Beliau menyertai pasukan pengaman bagi mengawasi pemberontakan yang berlaku di sana.

Zainab pula selepas berkahwin dengan Hasan, berpindah ke rumah suaminya. Beliau hidup berumah tangga dengan suami yang tidak mendapat tempat di hatinya. Setiap hari beliau terkenangkan bekas kekasihnya. Penderitaan yang beliau alami menyebabkan beliau jatuh sakit. Sakit yang dialaminya tidak dapat diubati walaupun beberapa orang doktor dipanggil untuk mengubatinya. Dengan sebab kesengsaraan hidup, penyakit beliau bertambah serious dan akhirnya beliau menghembuskan nafas terakhir.

Latar

Novel Zainab ini berlatar belakangkan suasana kampung. Peristiwanya berkisar di sekitar kampung yang menggambarkan suasana ladang dan pekerjanya seperti gambaran ladang yang dimiliki oleh bapa Hamid seorang tuan ladang yang mempunyai pekerja yang ramai. Suasana tali air di sekitar ladang dan pohon-pohon rendang di pinggir ladang turut digambarkan semasa Zainab dan Ibrahim keluar berjumpa bagi membebaskan perasaan rindu mereka berdua. Masyarakat kisahnya juga digambarkan dengan masyarakat kampung yang keluar setiap hari bekerja di ladang secara mengambil upah atau di ladang sendiri seperti Ibrahim yang menjadi penyelia di ladang tempat Zainab bekerja dan Hasan yang keluar bekerja di ladang sendiri.

Turut digambarkan suasana kampung gambaran kereta api dan stesennya. Kereta api sebagai pengankutan utama bagi menghubungkan kampung dengan kampung yang lain atau dari kampung ke kota. Gambaran stesen kereta api digambarkan semasa Ibrahim menaikinya menuju ke kota Kaherah dengan orang ramai berpusu-pusu untuk menaikinya. Orang-orang kampung turut berpusu-pusu ke stesen kereta api untuk meraikan pemergian Ibrahim.

BAB IV

UNSUR-UNSUR PERSAMAAN DI ANTARA DUA NOVEL

Setelah menganalisa dan memperbandingkan kandungan dua novel di atas, beberapa unsur persamaan yang merupakan unsur pengaruh mempengaruhi dapat di kenal pasti seperti di bawah:

Kesan Pengaruh Budaya Luar

Perkara pertama yang didapati daripada kedua-dua novel tersebut ialah pengaruh budaya luar dalam kemunculannya. Dalam novel Zainab didapati pengaruh budaya sastera Perancis mempengaruhi penulisnya. Dengan berada di Perancis dan menguasai bahasa Perancis dengan baik beliau membaca terlebih dahulu novel Julia yang ditulis oleh Roso. Beliau banyak terpengaruh dengan budaya tersebut semasa berada di Perancis sejak tahun 1909. Ini dapat dibuktikan lagi dengan kenyataan yang ditulis oleh Hendry pada tahun 1955 tentang sastera Arab dan Islam. Beliau menyatakan bahawa Husai Haikal terpengaruh dengan novel Julia dalam menjayakan novelnya. (Ahmad Darwish, 1992: 193)

Dalam menjayakan novel Faridah Hanom didapati penulisnya Syyed Syeikh terpengaruh dengan budaya Arab. Lawatannya ke negara-negara Arab Khususnya Mesir banyak membantunya dalam melebarkan budaya pengetahuannya khususnya semasa menjalinkan hubungan dengan tokoh-tokoh reformasi di Mesir seperti Syeikh Muhammad Abduh dan anak muridnya Rashid

Redza. Beliau banyak terpengaruh dengan gagasan kebebasan wanita yang dipelopori oleh jamaah tersebut sehingga beliau menterjemah buku Kebebasan Wanita yang ditulis oleh Kasim Amin. Pengaruh budaya Arab khususnya novel Zainab banyak mempengaruhi beliau dalam menjayakan novelnya.

Novel Pelopor

Dalam perkembangan novel di negara Arab didapati bahawa novel Zainab merupakan novel pertama muncul di negara Arab yang mempunyai nilai-nilai kesenian.(Mahmud Syaukat, 1961: 220) Ini diperakui oleh sasterawan dan pengkritik Arab walaupun terdapat beberapa bentuk cerita yang muncul sebelumnya. Penulis Muhammad Husain Haikal merupakan pelopor dalam bidang novel dengan novel Zainab. (Yahya Haqqi, 1987: 41)

Dalam perkembangan sastera Melayu moden di Malaysia, didapati novel Faridah Hanum merupakan novel pertama yang meneroka bidang ini. Syed Syeikh merupakan tokoh ulama progresif pertama yang menonjolkan novel dalam perkembangan sastera. Beliau dianggap sebagai pelopor yang membuka jalan dalam bidang ini. Beliau memilih watak wanita sebagai watak utama bagi novelnya. Novel-novel yang muncul selepas itu mengikut jejaknya dengan memilih wanita sebagai watak utama.

Tajuk Novel Dengan Nama Wanita

Persamaan di antara dua novel di atas dapat dilihat dari sudut memilih nama wanita sebagai tajuk novel. Penulis novel Arab Muhammad Haikal menggunakan

nama Zainab sebagai tajuk bagi novelnya. Perkara yang sama dapat dilihat kepada novel Malaysia. Syed Syeikh memilih nama wanita Faridah Hanom sebagai tajuk novelnya. Beliau bukan sahaja memilih nama wanita sebagai tajuk novelnya, tetapi memilih nama daripada perkataan Arab untuk dijadikan tajuk dan diikuti dengan gelaran Arab iaitu Hanom.

Pertukaran Tajuk Novel

Novel Zainab mengalami beberapa peringkat dalam proses perkembangannya. Di peringkat permulaan semasa cetakan pertama, penulisnya meletakkan tajuk yang panjang. Iaitu "Zainab : Pemandangan dan Akhlak Kampung". Dalam cetakan kedua, penulisnya meletakkan nama Zainab sahaja sebagai tajuk novelnya.

Perkara yang sama berlaku kepada novel Faridah Hanom. Dalam cetakan pertama penulisnya meletakkan tajuk yang panjang " Hikayat Asyik Kepada Makshuknya" sebagai tajuk novelnya. Dalam cetakan kedua pula beliau menukar daripada tajuk tersebut kepada tajuk "Faridah Hanom" nama kepada watak utama novelnya.

Mesej Novel

Persamaan di antara dua novel di atas dapat dilihat dari sudut penonjolan mesej kebebasan wanita daripada budaya dan teradisi hidup yang diwarisi sejak berzaman. Kebebasan ini menyentuh sudut kehidupan dan perasaan wanita. Di antara kebebasan hidup wanita ialah mereka mempunyai hak dalam Islam untuk

keluar rumah dengan tujuan bekerja atau menikmati keindahan alam. Begitu juga mereka boleh keluar untuk menuntut ilmu bagi meningkatkan taraf pemikiran dan membasmi kejahilan. Dari sudut perasaan pula, mereka mempunyai hak kebebasan untuk memilih pasangan hidup sendiri.

Kebebasan wanita ini merupakan arus reformasi yang dibawa oleh Syeikh Muhammad Abduh. Di antara reformasi kebebasan wanita ialah mereka mempunyai hak untuk memilih pasangan hidup sendiri. Keluarga hendaklah menghormati kebebasan tersebut. (Muhammad 'marah, 1997: 81)

Dalam novel Zainab kebebasan ini ditonjolkan melalui watak Azizah dan Zainab. Azizah yang keluar dari rumahnya pergi ke universiti untuk belajar di samping menziarahi bapa saudaranya yang berada di kampung. Zainab pula keluar bekerja bagi membantu bapanya menyara keluarga. Begitu juga beliau keluar bagi menikmati keindahan alam semula jadi di samping bertemu dengan kekasihnya. Walaupun beliau keluar bertemu dengan kekasihnya, adab dan sopan tetap dipelihara sehingga tidak berlaku perkara-perkara sumbang sepanjang pertemuan tersebut.

Dari sudut perasaan pula didapati Azizah dan Zainab menjadi mangsa keluarga yang tidak memberikan hak kepada mereka. Azizah mengikut kehendak bapanya menjodohkannya dengan lelaki yang tidak dicintainya. Begitu juga Zainab menerima keputusan yang dibuat oleh bapanya tanpa bertanyakan pandangannya. Hasil daripada tindakan tersebut kehidupan mereka menemui jalan buntu kerana hidup dengan pasangan yang tidak dicintainya.

Dalam novel Faridah Hanom, penulisnya cuba menonjolkan mesej tersebut melalui watak wanitanya. Faridah Hanom yang sentiasa keluar dari rumahnya untuk bersiar-siar bagi menikmati keindahan alam dan juga keluar menziarahi kawannya. Begitu juga beliau merupakan wanita yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan menguasai bahasa asing seperti Perancis.

Dari sudut kebebasan perasaan pula, didapati beliau menjadi mangsa kepada tidakan bapanya yang menerima peminangan daripada sepupunya tanpa bertanyakan pendapatnya. Beliau tidak diberi hak untuk memilih pasangan hidup. Perkahwinan tersebut tidak membawa kebahagiaan bahkan hancur dipertengahan jalan.

Nama Watak Dalam Bahasa Arab

Terdapat persamaan di antara dua novel dari sudut nama watak-wataknya dengan nama Arab. Dalam novel Zainab, semua nama-nama wataknya menggunakan bahasa Arab. Begitu juga nama-nama watak novel Faridah Hanom menggunakan nama bahasa Arab. Di antara mereka ialah Syafiq Affendi, Faridah Hanom, Azizah, Bahrunddin, Kasim Bey dan Tallat Bey. Nama-nama tersebut walaupun tidak sama dengan nama-nama kepada watak dalam novel Zainab, tetapi ia diambil daripada perkataan nama dalam bahasa Arab.

Persamaan Pada Nama Azizah

Dalam novel Zainab terdapat watak Azizah yang merupakan sepupu kepada Hamid. Beliau memainkan peranan dalam menjayakan perjalanan peristiwa

cerita. Nama tersebut juga terdapat dalam novel Faridah Hanom ketika mana Faridah keluar untuk menziarahi sepupunya yang bernama Azizah. Nama tersebut dalam novel Faridah Hanom tidak memainkan apa-apa peranan. Ia hanya semata-mata sebutan tentang kewujudannya sahaja. (Al-Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi, 1985: 18)

Konflik Kewujudan Orang Ketiga

Konflik berlaku dalam novel Zainab dengan sebab muncul orang ketiga dalam perhubungan percintaan di antara Zainab dan Ibrahim. Beliau ialah Hasan yang menjadi batu penghalang di antara kedua pasangan kekasih daripada menikmati kehidupan berumah tangga. Konflik ini menyebabkan peristiwanya hampir beku dan bercabang dengan haluan masing-masing. Ibrahim dengan cara hidupnya dan Zainab dengan kehidupan barunya.

Konflik yang sama didapati berlaku dalam novel Faridah Hanom dengan kemunculan Bahruddin yang menghalang perhubungan percintaan di antra Faridah Hanom dan Syafiq Afendi. Perkembangan peristiwa percintaan mereka berdua terbantut dengan sebab kemunculan orang ketiga. Peristiwanya hampir beku dan masing-masing membawa haluan sendiri.

Wanita Sebagai Watak Utama

Penulis novel Zainab memilih watak wanita sebagai heroin dalam ceritanya. Zainab yang memegang watak utama memainkan peranan penting dalam perkembangan peristiwa daripada awal sehinggalah tamat. Peristiwa ceritanya

berkembang, mengalami konflik dan berakhir di sekitar beliau. Dalam novel Faridah Hanom, penulisnya memilih watak wanita sebagai heroin dalam ceritanya. Permulaan peristiwa, perkembangan, konflik dan diakhiri dengan watak tersebut. Persoalan-persoalan cerita berkisar di sekitarnya.

Plot

Persamaan yang jelas dapat dilihat di antara dua novel di atas ialah dari sudut plot cerita. Kedua-dua cerita tersebut berkisar di sekitar hubungan percintaan di antara dua kekasih yang terhalang disebabkan wujud orang ketiga dalam hubungan tersebut. Dalam novel Zainab plotnya berkisar di sekitar hubungan percintaan di antara Hamid dan Zainab yang terhalang disebabkan halangan taraf hidup. Kemudian ia berkisar di sekitar hubungan percintaan di antara Hamid dan Azizah. Walau bagaimanapun hubungan tersebut terhalang dengan sebab wujud orang ketiga yang mengahwini watak wanita. Seterusnya plot cerita ini berkembang dengan hubungan percintaan di antara Zainab dan Ibrahim. Hubungan tersebut menghadapi jalan buntu dengan kehadiran orang ketiga yang mengahwini Zainab. Hubungan percintaan yang terhalang ini merupakan perjalanan utama plot cerita ini.

Dalam novel Faridah Hanom pula, plotnya berkisar di sekitar hubungan percintaan di antara Syafiq Afendi dan Faridah Hanom yang terhalang disebabkan wujud orang ketiga yang mengahwini watak wanita. Perhubungan percintaan terhalang ini merupakan arus utama plot cerita ini.

Surat Menyurat

Surat menyurat memainkan peranan yang penting dalam kedua-dua novel di atas bagi menyatakan perasaan kedua-dua kekasih ketika berjauhan atau tidak dapat bertemu. Novel Zainab menggambarkan Hamid dan Azizah selalu mengutus surat bagi menggantikan diri untuk menyatakan perasaan yang tersirat di dalam kalbu mereka berdua. Surat-surat tersebut ditulis dalam bahasa Perancis.

Dalam novel Faridah Hanom digambarkan Syafiq Afendi dan Faridah Hanom sentiasa mengutus surat bagi menyatakan perasaan mereka berdua. Surat-surat tersebut ditulis dalam bahasa Perancis.

Pertemuan Di antara Dua Kekasih

Sepanjang perjalanan peristiwa kedua-dua novel di atas digambarkan pertemuan yang aktif di antara kedua pasangan kekasih. Dalam novel Zainab digambarkan perjumpaan di antara Hamid dan Zainab di ladang. Dalam masa yang lain pula digambarkan pertemuan Zainab dengan Ibrahim di ladang. Kemudian pertemuan tersebut aktif dan berkembang ke tempat-tempat yang lebih selesa seperti di bawah pohon-pohon pokok di tepi anak sungai sekitar ladang. Pertemuan tersebut aktif sehinggalah beliau berkahwin.

Dalam novel Faridah Hanom digambarkan peristiwa yang sama. Pertemuan Syafiq Afendi dan Faridah Hanom bermula di halaman rumahnya kemudian berkembang ke tempat-tempat yang selesa dengan menaiki kereta kuda. Mereka

sentiasa bertemu di persisiran sungai Nil, taman Azbakiah, Zoo dan di kawasan Ahram. (Al-Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi, 1985: 30)

Cinta Tidak Kesampaian

Cinta tidak kesampaian dengan sebab wujud orang ketiga dalam hubungan dua kekasih menjadi tema utama. Dalam novel Zainab digambarkan hubungan percintaan di antara Zainab dan Hamid terputus dengan sebab jurang taraf hidup. Begitu juga hubungan di antara Hamid dan Azizah tidak berhasil dengan sebab wujud orang ketiga. Hubungan cinta di antara Zainab dan Ibrahim juga tidak kesampaian dengan sebab wujud orang ketiga. Perjalanan cerita ini menggambarkan cinta tidak kesampaian dengan wujud penghalang yang membenteng perhubungan dari terus terjalin.

Dalam novel Faridah Hanom digambarkan situasi yang sama. Hubungan percintaan di antara Syafiq Afendi dan Faridah Hanom tidak kesampaian dengan sebab wujud orang ketiga.

Watak Wanita Berkahwin Dengan Bukan Kekasihnya

Peristiwa yang sama dapat dilihat dalam kedua-dua novel di atas ialah watak wanita berkahwin dengan lelaki yang tidak dicintainya. Dalam novel Zainab digambarkan Azizah berkahwin dengan Hasan yang tidak pernah dicintainya. Ia ialah lelaki pilihan bapanya. Walaupun tidak pernah mencintainya tetapi beliau tetap menerima pilihan keluarganya. Segala keputusan terletak kepada bapanya.

Begitu juga Zainab berkahwin dengan Hasan yang tidak dicintainya hasil dari persetujuan yang dibuat oleh bapanya.

Dalam novel Faridah Hanom digambarkan peristiwa yang sama. Faridah Hanom berkahwin dengan Bahruddin yang tidak dicintainya. Beliau hanya mengikut keputusan yang dibuat oleh keluarganya.

Kuasa Mutlak Bapa

Bapa mempunyai kuasa mutlak dalam mengahwinkan anak daranya. Walau bagaimanapun mereka digalakkan untuk bertanya pandangan anak perempuan mereka dalam menentukan jodoh mereka. Dalam novel Zainab digambarkan bahawa bapa Azizah menggunakan kuasa yang ada padanya untuk mengahwinkan anaknya dengan lelaki yang dikehendakinya. Begitu juga bapa Zainab mengahwinkannya dengan lelaki bukan pilihannya tanpa berbincang dan bertanyakan pendapatnya.

Dalam novel Faridah Hanom turut digambarkan bahawa bapa Faridah Hanom menggunakan kuasa yang ada padanya untuk mengahwinkan Faridah dengan sepupunya yang tidak dicintainya. Beliau membuat keputusan tanpa bertanyakan pandangan anak perempuannya.

Tragedi Kehidupan Berkahwin Dengan Lelaki Yang Tidak Dicintai

Berkahwin dengan lelaki yang tidak dicintai akan membawa kehidupan kepada tragedi. Ini digambarkan oleh novel Zainab terhadap tragedi kehidupan berumah tangga kesan daripada berkahwin dengan lelaki yang tidak dicintai. Zainab

mengalami sakit yang tidak dapat diubatkan lagi dan akhirnya membawa maut. Dalam novel Faridah Hanom digambarkan bahawa tragedi tersebut belaku kepada kehidupan faridah Hanom bersama suaminya. Akhirnya sesudah tidak dapat menahan penderitaan hidup di rumah suaminya beliau mengambil keputusan untuk berpisah dan akhirnya beliau mendapat haknya dengan diceraikan oleh suaminya.

Kemunculan Watak Doktor

Doktor memainkan peranan yang penting dalam mengubati penyakit. Dalam novel Zainab digambarkan kemunculan seorang doktor untuk mengubati panyakit yang dialami oleh Zainab. Namun begitu beliau gagal dalam melaksanakan tugasnya kerana penyakit yang dialami oleh Zainab terlalu serious. Dalam novel Faridah Hanom digambarkan juga kemunculan watak doktor untuk mengubati penyakit yang dialami oleh Faridah. Namun begitu doktor tersebut gagal dalam menjalankan tugasnya.

Bekas Kekasih Membawa Diri Ke Sudan

Selepas kekasih wanita berkahwin, kekasih lelaki membawa diri berjauhan bagi melepaskan rindu dan mencari kehidupan yang lebih baik. Dalam novel Zainab digambarkan bahawa Ibrahim membuat keputusan untuk menjauhkan diri daripada Zainab selepas perkahwinannya. Beliau berangkat ke Sudan bagi menyertai pasukan pengaman dengan tujuan bagi melupai bekas kekasihnya dan mengubati perasaan.

Dalam novel Faridah Hanom peristiwa yang sama turut digambarkan. Syafiq Afendi merasa kecewa dengan perkahwinan Faridah. Beliau membuat keputusan untuk menyertai tentera dengan memasuki kolej tentera kemudian menyertai misi pengaman di Sudan dengan tujuan untuk mengubati perasaan rindunya.

Kemunculan Kereta Api

Kereta api merupakan pengangkutan utama di Mesir bagi menghubungkan kampung-kampun dan bandar-bandar serta negara berhampiran. Dalam novel Zainab digambarkan bahawa Ibrahim semasa hendak berangkat ke Sudan beliau menaiki kereta api dengan diiringgi oleh penduduk kampung ke stesen kereta api. Begitu juga digambarkan dalam novel Faridah Hanom semasa Syafiq Afendi hendak berangkat ke Sudan beliau menaiki kereta api. Kereta api memainkan peranan yang penting dalam perkembangan peristiwa kisah.

Latar Mesir

Latar Mesir merupakan latar utama yang digambarkan oleh kedua-dua novel di atas. Novel Zainab menggambarkan latar Mesir yang berpusat di kawasan kampung dengan budaya kehidupan kampung. Begitu juga novel Faridah Hanom menggambarkan latarnya dengan gambaran latar Mesir yang berpusat di kota Kaherah khususnya Bandar Abbasiah dan persekitarannya. Penulisnya menggambarkan budaya kehidupan masyarakat kota tersebut dan juga kawasan-kawasan dipersekitarannya.

BAB V

UNSUR-UNSUR PERBEZAAN DI ANTARA DUA NOVEL

Selepas dijalankan perbandingan di antara kedua-dua novel di atas didapati beberapa unsur persamaan yang boleh membuktikan unsur pengaruh mempengaruhi. Di samping itu juga terdapat beberapa unsur perbezaan di antara keduanya seperti di bawah:

Plot

Dari sudut plot cerita didapati ia berkisar di sekitar hubungan cinta terhalang di antara dua kekasih di sebabkan wujud orang ketiga yang menjadi batu penghalang. Plot tersebut mempunyai perbezaan di awal cerita dan juga di akhir. Dalam novel Zainab perhubungan cinta dimulai dengan perhubungan di antara Hamid dan Zainab. Selepas kegagalan perhubungan tersebut untuk mencapai matlamat, Hamid mengadakan hubungan cinta dengan Azizah. Hubungan di antara mereka berdua tidak berkekalan kerana wujud orang ketika yang mengahwini kekasih wanita. Kemudia bermula hubungan cinta di antara Zainab dan Ibrahim yang mengambil perjalanan yang panjang dalam cerita hingga ke akhirnya.

Dalam novel Faridah Hanom, perhubungan cinta bermula di antara Syafiq Afendi dan Faridah Hanom dan berakhir dengan mereka berdua tanpa terdapat pasangan lain seperti dalam novel Zainab. Perhubungan cinta dan konflik

berlaku di antara mereka berdua dari awal perjalanan pristiwa sehinggalah ia berakhir.

Peleraian plot novel Zainab berakhir dengan kematian Zainab selepas mengalami sakit yang teruk hasil daripada menanggung penderitaan rindu terhadap kekasihnya. Peristiwa kisah diakhiri dengan kesedihan.

Dalam novel Faridah Hanom peleraian plot berakhir dengan perkahwinan Syafiq Afendi dengan Faridah Hanom selepas beliau bercerai dengan suaminya. Peristiwa kisah di akhiri dengan gambaran kegembiraan yang dikecapi oleh kedua-dua pasangan bercinta.

Bilangan Watak

Watak di antara kedua-dua novel di atas berbeza dari sudut bilangannya walaupun peranan dan sifatnya hampir sama. Penulis novel Zainab memilih lima orang watak yang memainkan peranan utama dalam menggerakkan peristiwa kisahnya. Mereka terdiri daripada tiga watak lelaki dan dua watak perempuan. Dalam novel Faridah Hanom terdapat tiga orang watak sahaja yang memainkan peranan utama dalam menjayakan perjalanan peristiwa kisah. Mereka ialah seorang wanita dan dua orang lelaki.

Latar Tempat Dan Watak

Dari sudut latar tempat bagi kedua-dua novel di atas terdapat perbezaan yang ketara. Novel Faridah Hanom berlatar belakangkan tempat di kota Kaherah dengan menggambarkan suasana kota dan persekitarannya. Novel Zainab

berlatar belakangkan tempat di kampung dengan menggambarkan suasana kampung dan masyarakatnya. Berdasarkan perbezaan latar belakang tempat inilah watak-watak keduanya juga berbeza latar belakang. Penulis novel Zainab memilik watak-wataknya daripada masyarakat kampung yang hidup dalam suasana perkampungan dengan budaya kampung. Novel Faridah Hanom pula memilih watak-wataknya daripada masyarakat bangsawan yang hidup di kota Kaherah. Mereka hidup dalam budaya kota dan mengamalkan budaya hidup kota.

Konflik Percintaan

Konflik percintaan di antara dua kekasih merupakan peristiwa utama dalam kedua-dua novel. Novel Zainab menggambarkan konflik tersebut menyebabkan penderitaan kepada kedua-dua kekasih dengan masing-masing membawa diri dengan keperitan kehidupan. Ibrahim lenyap daripada perjalanan kisah dengan penderitaan yang di bawanya. Zainab pula mengalami sakit tenat dan akhirnya meninggal dunia.

Dalam novel Faridah Hanom pula konflik percintaan tersebut akhirnya membuahkan hasil dengan mengembalikan kehidupan berumah tangga kepada kedua kekasih. Syafiq Afendi selepas membawa diri ke Sudan akhirnya berkahwin dengan Faridah Hanom selepas beliau diceraikan oleh suaminya.

Cinta Tiga Penjuru

Persoalan cinta terhalang dalam kedua-dua novel di atas merupakan persoalan utama yang ditonjolkan. Namun begitu perjalanan percintaan berbeza di antara keduanya. Dalam novel Zainab percintaan bermula di antara Zainab dan Hamid. Kemudia bertukar kepada percintaan di antara Hamid dan Azizah. Zainab pula menjalinkan hubungan cinta dengan Ibrahim penyelia ladang tempat belia bekerja.

Dalam novel Faridah Hanom hubungan percintaan bermula di antara Syafiq Afendi dan Faridah Hanom sehingga akhir kisah.

Surat Menyurat

Terdapat persamaan di antara kedua-dua novel di atas dalam surat menyurat di antara kedua kekasih. Dalam novel Zainab surat menyurat belaku di antara Hamid dan Azizah bagi menyatakan perasaan mereka. Azizah bukanlah watak utama yang memainkan peranan utama dalam arus perjalanan peristiwa kisah.

Dalam novel Faridah Hanom surat menyurat berlaku di antara Syafiq Afendi dan Faridah Hanom bagi menyatakan perasaan keduanya. Faridah hanom merupakan watak utama dalam menggerakkan peristiwa kisah.

Kesudahan Sakit

Terdapat di dalam kedua-dua novel di atas gambaran watak wanita yang jatuh sakit di akhir cerita akibat berkahwin dengan lelaki yang tidak dicintainya. Sakit

tersebut merupakan detik-detik yang menjadikan plot cerita hampir beku. Tidak terdapat seorangpun doktor atau dukun yang mapu mengubati penyakit tersebut melainkan dengan berjumpa dengan bekas kekasihnya. Novel Zainab menggambarkan bahawa Zainab jatuh sakit kesan daripada menanggung perasaan rindu terhadap Ibrahim. Penyakitnya tiada ada ubat atau penawar. Ramai doktor dan dukun dipanggil untuk mengubatinya, tetapi mereka gagal. Penyakit tersebut bertambah teruk sehari demi sehari dan akhirnya membawa maut.

Novel Faridah Hanom menggambarkan bahawa beliau mengalami sakit selepas menanggung perasaan rindu terhadap bekas kekasihnya. Doktor yang mengubati penyakitnya memberi cadangan kepada ayahnya supaya dipertemukan beliau dengan bekas kekasihnya. Pertemuan itu merupakan ubat atau penawar yang boleh mengubati penyakit tersebut. Akhirnya penyakit beliaupun sembuh.

BAB VI

PERBANDINGAN DAN ANALISA

Persoalan

Di antara persoalan yang ditonjolkan oleh kedua dua novel di atas ialah persoalan kebebasan wanita mengikut perspektif Islam. Iaitu kebebasan daripada kongkongan tradisi dan adat masyarakat dahulu yang mengutamakan anak mereka berada di rumah sahaja. Kedua-dua novel ini cuba menonjolkan hak yang dibenarkan oleh Islam kepada wanita khususnya keluar menuntut ilmu dan bekerja. Kebebasan menuntut ilmu merupakan hak kepada setiap individu dengan tidak mengira jantina. Kebebasan ini jelas digambarkan melalui watak Faridah Hanom yang merupakan seorang wanita yang mempunyai pelajaran dan ilmu pengetahuan yang tinggi. Di samping itu juga beliau menguasai bahasa asing selain bahasa ibunda. Bahasa Perancis merupakan bahasa komunikasi di antara beliau dan Syafiq Afendi. Surat menyurat di antara mereka menggunakan bahasa tersebut.

Kebebasan yang sama dapat dilihat dalam novel Zainab melalui watak Azizah dan Zainab. Azizah merupakan seorang wanita terpelajar dan mempunyai ilmu pelajaran yang tinggi. Beliau menguasai bahasa Perancis dengan baik. Bahasa tersebut merupakan bahasa komunikasi di antara beliau dan Hamid. Begitu juga kebebasan tersebut dapat dilihat melalui watak Zainab yang keluar daripada rumah untuk bekerja bagi menyara keluarga.

Kebebasan wanita untuk keluar daripada rumah dengan tujuan tertentu dapat dilihat dalam kedua-dua novel tersebut melalui watak wanitanya. Faridah Hanom sentiasa keluar bersiar-siar di sekitar bandar kaherah, khususnya semasa perayaan "Syamun Nasim". Iaitu perayaan tahunan yang diraikan oleh masyarakat Mesir di setiap awal musim bunga. Mereka keluar di taman-taman bunga, tempat-tempat peranginan dan sekitar persisiran Sungai Nil.

Dalam novel Zainab kebebasan ini turut digambarkan melalui watak Azizah yang keluar bersiar-siar di sekitar kota Kahirah dan perkampungan bagi menghabiskan cuti semester. Begitu juga watak Zainab, di samping beliau keluar untuk bekerja, beliau turut keluar bersiar-siar di sepanjang jalan-jalan di ladang bagi menikmati keindahan semula jadi suasana kampung.

Kebebasan yang turut ditonjol oleh kedua-dua novel ini ialah kebebasan menentukan pasangan hidup. Menurut Islam bapa mempunyai hak mutlak ke atas anak daranya untuk dikahwinkan. Tetapi hak mutlak ini mempunyai huraian lain dengan mengambil kira pandangan wanita, sama ada beliau bersetuju atau tidak dengan pasangannya. Novel ini menonjolkan kuasa bapa dalam menentukan jodoh anak mereka dan akhirnya jodoh tersebut tidak berpanjangan. Ini dapat dilihat dalam novel Faridah Hanom melalui watak bapanya yang mengahwinkannya dengan sepupunya tanpa meminta persetujuan daripadanya. Keputusan dibuat oleh bapa sahaja dan anak hanya mengikut keputusan yang telah diputuskan. Selepas berkahwin kehidupan mereka bertemu jalan buntu dan akhirnya Faridah Hanom menuntut haknya dengan meminta fasakh daripada suaminya. Dengan kebebasan yang diberikan oleh Islam kepada wanita, Faridah

Hanom menggunakannya untuk menentukan masa depannya. Akhirnya beliau berpisah dengan suaminya dan berkahwin dengan Syafiq Afendi dan dipersetujui oleh bapanya.

Dalam novel Zainab pula hak kebebasan tersebut tidak dapat dicapai oleh Zainab. Ini terjadi kerana bapanya tidak bertanyakan persetujuannya semasa peminangan Hasan berlangsung di rumahnya. Bapanya memberi persetujuan dengan sendiri dan Zainab hanya mendengar keputusan yang dibuat oleh bapanya. Beliau mengikut kehendak bapanya dan berpindah ke rumah suaminya dan menjadi isteri sepenuh masa. Namun begitu perkahwinannya tidak membawa kebahagiaan. Dengan sebab hidup menanggung derita rindu kepada kekasihnya beliau ditimpa sakit dan akhirnya penyakitnya itu tidak dapat diubati dan membawa kepada maut.

Persoalan ini menunjukkan betapa penting bagi bapa untuk mendapatkan persetujuan daripada anak mereka sebelum dikahwinkan. Mereka mempunyai hak kebebasan untuk memilih pasangan hidup sendiri.

Persoalan jati diri turut digambarkan dalam kedua-dua novel tersebut melalui watak utamanya. Remaja yang mempunyai sifat jati diri dapat bertahan dalam arus cabaran hidup yang ditempuhinya. Dengan adanya sifat tersebut kejayaan dalam kehidupan akan dapat dicapai. Segala cabaran dan dugaan dapat ditempuhi dengan cekal. Dalam novel Faridah Hanom dapat dilihat sifat tersebut melalui watak Syafiq Afendi dan Faridah Hanom. Syafiq Afendi ialah seorang remaja yang berpelajaran dan tekun dalam kehidupan. Beliau

menjalankan tugas dengan jujur sebagai pembantu ayahnya di syarikat sendiri. Beliau tidak mensia-siakan waktunya dengan pekerjaan yang tidak berfaedah. Semasa dalam kekecewaan disebabkan Faridah Hanom berkahwin dengan jejaka lain, beliau mengambil kesempatan tersebut untuk memasuki akademi tentera dan akhirnya menjadi tentera dan diutuskan ke Sudan untuk misi pengaman di sana.

Sifat jati diri juga turut digambarkan oleh watak Faridah Hanom yang merupakan seorang pemudi yang berpendidikan dan berilmu pengetahuan yang tinggi. Beliau mempunyai wawasan dalam hidupnya walaupun pada peringkat permulaan ditentukan oleh bapanya. Semasa berada dalam keadaan tertekan dan menderita di rumah suaminya, beliau mengambil keputusan untuk mengubah cara hidupnya. Suami beliau seorang lelaki yang hanyut dalam arus kehidupan, sentiasa menghabiskan waktunya di kelab-kelab tanpa menghiraukan tanggungjawab terhadap isterinya. Akhirnya Faridah Hanom mengambil keputusan untuk pulang ke pangkuan keluarganya dan menceritakan keadaan sebenar. Dengan sikap tegas beliau penyelesaian memihak kepadanya dengan mendapat hak fasakh daripada mahkamah syariah.

Dalam novel Zainab pula, sifat jati diri ini digambarkan melalui watak-watak utamanya. Azizah seorang pemudi yang berpelajaran dan pengetahuan luas, sentiasa mengutamakan kebaikan untuk kehidupannya. Beliau mempunyai cita-cita dalam hidupnya dan tidak terpengaruh dengan gaya hidup remaja kota. Setiap cuti semester beliau pulang ke kampung untuk menziarahi sanak saudara keluarganya. Zainab pula seorang pemudi yang cekal dalam menempuh

kehidupan. Beliau bekerja di ladang untuk membantu ayahnya menyara keluarga. Beliau bekerja dengan rajin dan jujur dan akhirnya dapat perhatian daripada penyelia ladang. Sebelum ke ladang beliau mengemas dan menyediakan hidangan untuk adik-adiknya. Sikap tanggungjawab ini turut digambarkan semasa beliau berada di rumah suaminya. Beliau memberi sepenuh masa kepada kewajipan rumahtangganya.

Hamid pula seorang pemuda yang berpendidikan tinggi. Setiap musim cuti beliau pulang ke kampung untuk menghabiskan cutinya. Beliau tidak hanyut dengan arus kehidupan di kota. Ibrahim pula seorang pemuda yang tekun bekerja sehingga dilantik sebagai penyelia ladang. Tanggung jawab ini diberikan kepadanya dengan sebab sikap tanggungjawab yang beliau tunjukkan. Beliau tidak hanyut dalam kehidupan remaja kampung yang menghabiskan masa di kedai-kedai kopi.

Hassan pula seorang remaja yang tekun bekerja di ladang ayahnya. Hasil daripada ketekunan itu bapa beliau mencari pasangan hidup untuknya dan menjodohkannya dengan Zainab. Selepas mendirikan rumah tangga beliau tetap bekerja dengan tekun. Semasa Zainab mengalami sakit tenat beliau tetap sabar dan berusaha untuk memulihkannya. Persoalan jati diri dalam kedua-dua novel tersebut menggambarkan betapa penting pemuda dan pemudi mempunyai sifat-sifat tersebut dalam mengharung dan membina kehidupan bahagia.

Menjaga maruah merupakan perkara yang dititik beratkan oleh setiap keluarga. Pemuda dan pemudi wajib menjaga maruah mereka daripada terjebak

dengan perkara-perkara yang ditegah oleh agama. Sopan dan santun remaja perlu bagi menjaga maruah keluarga mereka dari tercemar. Kedua-dua novel ini mengemukakan persoalan tersebut bagi menjaga nama baik keluarga. Semasa berkenalan dan bercinta kedua-dua watak menjaga tingkah laku mereka supaya tidak terjebak dan terlanjur dengan perkara yang ditegah sebelum berkahwin.

Dalam novel Faridah Hanom, persoalan tersebut digambarkan melalui watak Syafiq Afendi dan Faridah Hanom. Semasa berada dalam masa perkenalan dan percintaan mereka tidak pernah terlanjur walaupun sering berjumpa dan bersiar-siar. Masing-masing menjaga maruah mereka dan juga maruah keluarga. Sepanjang percintaan tersebut mereka sentiasa keluar berjumpa dan bersiar-siar dengan menaiki kereta kuda. Adakalanya mereka berada di tempat-tempat sunyi. Namun begitu mereka tidak terlanjur dalam mengadakan hubungan yang terkutuk. Dalam pertemuan mereka, khadam akan menjadi orang ketiga yang ikut bersama mereka.

Pada suatu hari semasa berada di sebuah rumah sewa, Faridah Hanom cuba menguji keimanan Syafiq Afendi dan keikhlasan cintanya. Beliau memakai baju yang seakan dengan warna kulitnya dan ketat. Sekali pandang seolah-oleh tidak memakai pakaian. Semasa Syafiq tiba ke rumah tersebut, beliau terkejut dengan apa yang dilihatnya, lalu beliau memarahi Faridah Hanom kerana berkelakuan sedemikian. Daripada perisitwa tersebut jelaslah bahawa kedua-dua kekasih tersebut masing-masing menjaga maruah diri sendiri dan maruah keluarga mereka.

Sepanjang perhubungan mereka terdapat juga tingkah laku seperti berkucupan yang diterjemah dengan bercumbu-cumbuan. Sebenarnya bercumbu-cumbuan ini adalah terjemahan terus daripada perkataan Arab Qublah. Dimaksudkan dengan bercumbu-cumbuan ini ialah kucupan mesra semasa bertemu dan berpisah mengikut adat Arab. Ini tidak menunjukkan bahawa mereka berkhalwat seperti yang difahami melalui perkataan bercumbu. Menjadi kebiasaan kepada masyarakat Arab berkucupan semasa bertemu dan berpisah khususnya kepada orang tersayang. Tingkah laku tersebut terdapat dalam kedua-dua novel yang menggambarkan kucupan berlaku ketika dua kekasih bertemu dan berpisah. Namun begitu mereka tidak melebihi batasan tersebut dan tidak melakukan perkara terlanjur hasil daripada kucupan.

Dalam novel Zainab digambarkan persoalan menjaga maruah melalui watak Zainab dan kekasihnya. Zainab sentiasa menjaga maruanya dan maruah keluarganya ketika keluar berjumpa dengan kekasihnya. Semasa berjumpa dengan Hamid beliau menjaga tatasusila adat sebagai seorang wanita kampung walaupun berjumpa di tempat sunyi. Hamid sendiri tidak pernah mengambil kesempatan di atas Zainab.

Dalam hubungan Zainab dengan Ibrahim persoalan tersebut turut dijaga. Zainab tidak pernah melakukan perkara sumbang dengan Ibrahim. Begitu juga Ibrahim tidak pernah mengambil kesempatan terhadapnya. Kedua-dua pasangan menjaga adat dan tradisi kampung walaupun mereka berjumpa di tempat-tempat sunyi. Hasil daripada sikap mengutamakan maruah diri sendiri dan maruah

keluarga, pasangan yang bercinta tidak pernah terlanjur. Sikap seperti ini perlu dicontohi oleh remaja sekarang.

Daripada perbincangan di atas tentang persoalan novel jelaslah menggambarkan bahawa kedua-dua novel di atas mempunyai persamaan dalam menonjolkan persoalannya. Persamaan ini menunjukkan juga bahawa penulis noval Faridah Hanom terpengaruh dengan persoalan yang dibawa oleh novel Zainab dan mempersembahkannya dalam novel yang ditulisnya.

Watak

Watak utama dalam dua novel ini dimainkan oleh wanita. Watak ini menggerakkan peristiwa dari permulaan sehinggalah ke akhir kisah. Watak lelaki merupakan watak kedua yang menyempurnakan peristiwa. Ia muncul dan lenyap di dalam perkembangan peristiwa. Novel Faridah Hanom mempunyai tiga watak utama yang menyumbang kepada perkembangan peristiwa. Faridah Hanom merupakan watak utama yang berkisar di sekitarnya peristiwa kisah daripada awal sehinggalah tamat. Watak kedua yang banyak memainkan peranan dalam perkembangan kisah ialah Syafiq Afendi yang turut bersama-sama dengan watak Faridah Hanom dalam memainkan peranan bagi perkembangan kisah. Watak ketiga yang menyebabkan konflik dalam perjalanan kisah ialah Bahruddin. Beliau muncul di pertengahan jalan cerita tersebut dan hilang sebelum berakhirnya kisah. Kemunculan beliau penting dalam mencetuskan konflik dalam perhubungan di antara dua watak di atas.



Dalam novel Zainab didapati lima watak yang memainkan peranan penting dalam perjalanan peristiwa kisah. Dua daripada watak tersebut adalah watak wanita. Mereka ialah Zainab yang merupakan watak utama dalam kisah dan Azizah yang muncul di awal kisah dan hilang di pertengahannya. Tiga watak lagi terdiri daripada watak lelaki yang muncul dan hilang secara bersilih ganti. Mereka ialah Hamid yang membuka tirai kisah tentang hubungannya dengan Zainab. Kemudian dengan Azizah.

Ibrahim merupakan watak kedua yang muncul bagi menggantikan watak Hamid. Beliau mengambil bahagian yang panjang dalam perkembangan peristiwa kisah. Hubungan cinta di antara dua remaja yang berkisar dalam cerita berlaku di antara beliau dan Zainab.

Hassan pula merupakan watak terakhir yang muncul dalam perkembangan cerita. Beliau memainkan watak terakhir dalam mengakhiri peristiwa kisah. Dengan watak beliaulah kisah novel tersebut ditamatkan. Beliau

merupakan batu penghalang yang menyekat kebahagian di antara dua kekasih. Beliau juga dapat berkahwin dengan Zainab dan kekal sehingga akhir kisah.



Novel Faridah Hanom berkisar disekitar percintaan di antara Faridah Hanom dan Syafiq Afendi yang bermula dari awal perjalanan cerita dan diakhiri dengan perkahwinan. Watak Baharuddin muncul di pertengahan cerita bagi

menimbulkan konflik di antara hubungan percintaan keduanya dan menghalang keduanya daripada menikmati keindahan percintaan.

Dalam novel Zainab pula terdapat dua watak wanita memainkan peristiwa yang dimainkan oleh seorang watak sahaja dalam novel Melayu. Begitu juga dua orang watak lelaki yang memainkan peranannya dalam perkembagan kisah menepati tempat seorang watak sahaja dalam novel Melayu. Watak Hassan dalam novel Arab memainkan peranan yang sama dalam novel Melayu yang dimainkan oleh Baharuddin.



1 - Faridah Hanom

Beliau merupakan watak utama dalam novel tersebut yang menentukan perjalanan peristiwa kisah daripada awal hingga akhir. Beliau seorang wanita yang berpelajaran dan berilmu tinggi serta menguasai bahasa Perancis dengan baik. Anak kepada Kasim Bey yang tinggal di sebuah banglo terletak di jalan Abbasiah. Hidup penuh dengan kemewahan yang dibantu oleh khadam-khadam

dalam menguruskan kehidupan seharian. Beliau menjalinkan hubungan cinta dengan Syafik Afendi dan keluar bersiar-siar dengannya di sekitar bandar Kaherah dan juga persekitarannya.

Beliau seorang yang patuh dan taat kepada kedua ibu dan bapanya dan sentiasa menjaga maruah diri dan maruah keluarga dengan tidak melakukan perkara yang boleh merosakkan nama baik keluarga. Semasa berada dalam alam percintaan beliau sentiasa berwaspada supaya tidak terlanjur dalam hubungan tersebut.

Beliau menjadi korban kuasa keluarga yang memutuskan keputusan menerima peminangan tanpa bertanyakan persetujuan daripadanya. Beliau juga menjadi korban suami yang tidak bertangungjawab. Ditinggalkan seharian hidup keseorangan yang membosankan. Mempunyai sifat tegas dengan membuat keputusan yang tegas kepada dirinya. Memohon fasakh daripada mahkamah syariah di atas kelalaian suaminya. Berjaya merancang untuk kehidupannya dengan keputusan yang diputuskan oleh mahkamah dan berjaya menikmati hasil percintaan dengan berkahwin dengan bekas kekasihnya Syafik Afendi.

2 - Syafik Afendi

Seorang pemuda tanpan yang rajin dan tekun bekerja. Mempunyai kelulusan ijazah sarjana muda dari universiti. Beliau anak kepada Talat Bey orang kaya yang tinggal di sebuah banglo terletak di jalan Abbasiah. Hidup dalam kemewahan yang dikelilinggi dengan khadam-khadam yang berkhidmat untuknya. Mempunyai sebuah kereta kuda untuk keluar bersiar-siar.

Beliau menjalinkan hubungan cinta dengan Faridah Hanom dan menjemput beliau untuk keluar bersiar-siar di sekitar kota Kaherah dengan menunggang kereta kuda yang dimilikinya. Menyewa sebuah rumah di pinggir kota untuk bertemu dengan kekasihnya supaya tidak diintai oleh pandangan masyarakat.

Beliau mempunyai jiwa yang kental dalam menghadapi dugaan dan cabaran hidup. Memasuki akademi tentera bagi mengubati perasaan kecewa hasil daripada perkahwinan kekasihnya dengan orang lain. Mempunyai semangat perjuangan yang tinggi. Sanggup pergi ke Sudan dalam misi pengaman bagi menghapuskan pemberontak.

Mempunyai jiwa yang murni dengan tidak mahu melukai hati bekas kekasihnya. Berhijrah ke Iskandariah bagi mengelak daripada bertembung dengan bekas kekasihnya. Mempunyai harapan yang tinggi dan matlamat yang murni dengan mengahwini bekas kekasihnya. Menikmati kehidupan bahagia bersama kekasihnya selepas menjadi korban cinta.

3 - Baharuddin

Seorang pemuda yang tidak mempunyai wawasan dan matlamat hidup. Sepupu kepada Faridah Hanom. Tinggal dengan keluarganya di bandar Iskandariah. Menjadi suami kepada Faridah Hanom hasil daripada rundingan di antara kedua keluarga. Tidak mempunyai tanggung jawab dalam hidup berumah tangga. Penghalang kepada hubungan cinta di antara dua kekasih.

Dalam novel Zainab terdapat lima watak utama dalam perjalanan peristiwa kisah seperti di bawah:

1 - Zainab

Seorang pemudi kampung yang berjiwa cekal, rajin dan tekun bekerja. Hidup dalam keluarga kampung yang serba sederhana. Bertanggungjawab terhadap keluarga dengan menjaga adik-adik dan ayahnya dengan baik. Mempunyai kewajipan yang tinggi dalam memelihara keluar dan membantu ayahnya bagi menyara keluarga. Seorang pemudi kampung yang mempunyai sifat-sifat kewanitaan kampung. Memecah tradisi dan adat kekampungan dengan keluar bekerja di ladang bagi membantu bapanya menyara keluarga. Bertanggungjawab terhadap keluarga dengan menyediakan mereka hidangan setiap hari sebelum keluar ke ladang.

Mempunyai sifat kesedaran diri dengan tidak tamak kepada sesuatu yang tidak boleh dicapai. Mengadakan hubungan jalinan percintaan dengan Hamid dan menyedari bahawa cinta tersebut tidak akan berhasil disebabkan jurang taraf hidup. Menjalinkan hubungan cinta dengan penyelia ladang. Keluar bertemu dan bersiar-siar dengan kekasihnya di sekitar ladangan. Sentiasa menjaga maruah diri dan keluarga dalam hubungan percintaan.

Menjadi korban kepada tindakan keluarga yang menerima peminangan tanpa bertanyakan perasaannya. Taat dan setia kepada bapa dengan tidak membantah walaupun tidak dipersetujuinya. Bersifat taat kepada suami dengan menunaikan tanggung jawab berumah tangga. Menjadi mangsa korban

perasaan dengan menanggung derita rindu. Menderita sepanjang hayat sehinga meninggal dunia akibat derita cinta yang tidak kesampaian.

2 - Azizah

Wanita kota yang berpendidikan tinggi dan berpelajaran. Sepupu kepada Hamid. Hidup dalam kemewahan keluarga kota. Mempunyai ilmu yang tinggi serta menguasai bahasa asing seperti Perancis. Mempunyai jiwa mesra dan senang didekati. Suka kepada suasana kampung dengan menghabiskan masa cuti di kampung bapa saudaranya. Menjalinkan hubungan cinta dengan hamid dan bertemu dengannya di kampung semasa cuti semester. Hilang dalam perkembangan peristiwa cerita.

3 - Hamid

Seorang pemuda kampung hidup dalam kemewahan. Anak kepada pemilik ladang yang menjadi punca rezeki kepada penduduk kampung. Mendapat pendidikan di Bandar. Menghabiskan masanya dengan kehidupan universiti di bandar. Sentiasa pulang ke kampung untuk bercuti. Mengadakan buhungan cinta dengan Azizah di samping hubungan cinta dengan Zainab. Menyedari hakikat jurang taraf kehidupan yang tidak mengizinkan perkahwinan di antara dua darjat. Tidak mempunyai pendirian hidup yang jelas. Lenyap daripada arus cerita pada peringkat awal perkembangan peristiwa.

4 - Ibrahim

Seorang pemuda kampung yang berjiwa cekal, rajin dan tekun bekerja. Beliau dilantik sebagai penyelia ladang dengan sebab sikap kerajinan dan taggungjawab. Mula jatuh hati kepada Zainab semasa melihat beliau bekerja di ladang dengan rajin. Menjalinkan hubungan cinta dengannya. Sentiasa keluar bersiar-siar dengan Zainab di persekitaran ladang. Menjadi korban cinta terhalang disebabkan kekasihnya berkahwin dengan lelaki lain.

Berjiwa tegas dan cekal dalam menghadapi dugaan hidup. Tegas membuat keputusan untuk masa depannya. Mengambil keputusan menjadi tentera dan pergi ke Sudan untuk operasi pengaman. Sanggup mengorbankan jiwanya untuk negara daripada menjadi korban cinta.

5 - Hassan

Seorang pemuda kampung yang rajin bekerja, taat dan patuh kepada ibu bapa. Bekerja di ladang bapanya untuk membantu keluarga. Berkahwin dengan Zainab di atas persetujuan kedua keluarga. Menerima Zainab sebagai seorang isteri dan bertanggungjawab terhadapnya. Jujur dan ikhlas dengan kehidupannya. Bekerja dengan tidak mengerti makna kepenatan untuk menyara keluarga. Menjadi mangsa korban kepada bahang cinta isteri kepada bekas kekasihnya. Hidup tidak dapat menikmati kebahagian berumah tangga dengan sebab isteri masih mencintai bekas kekasihnya. Mengalami penderitaan hidup dengan kematian isteri.

Selepas melakukan perbandingan dan penelitian di antara dua novel di atas dapatlah dinyatakan bahawa watak Faridah Hanom mengambil ciri-ciri dan sifat-sifat darpada dua watak wanita dalam novel Zainab. Iaitu Azizah dan Zainab.



Watak Syafik Afendi pula mengambil ciri-ciri dan sifat-sifat daripada dua orang watak lelaki dalam novel Zainab. Iaitu Hamid dan Ibrahim.



Watak ketiga yang dimainkan oleh Baharuddin mengambil ciri-ciri dan sifat-sifat yang dimainkan oleh Hassan.



Hasil daripada perbincangan watak-watak daripada kedua-dua buah novel di atas jellaslah dapat disimpulkan bahawa penulis novel Faridah Hanom mengambil ciri-ciri dan sifat-sifat watak yang terdapat dalam novel Zainab untuk mempersembahkan wataknya. Walaupun terdapat perbezaan dari sudut bilangan watak tetapi terdapat persamaan dari sudut ciri-ciri dan sifat-sifat watak.

Plot

Dalam novel Faridah Hanom, plot bermula dengan pandang pertama di antara Syafik Afendi dan Faridah Hanom di jalan Abbasiah. Pandangan tersebut membuahkan bunga-bunga cinta di antara keduanya. Pertemuan dan

perjumpaan mereka berlaku selepas saat-saat tersebut. Pertemuan di peringkat permulaan berlaku di dalam taman di rumah Faridah Hanom.

Plot cerita berkembang dengan perkembangan pertemuan di antara mereka ke tempat-tempat awam seperti bersiar-siar dengan menaiki kereta kuda di sepanjang jalan bermula daripada jalan Abbasiah menuju ke Atabah, kemudian ke Abidin. Seterusnya melalui Babul Luq, dengan merentasi jalan Qasrul Nil dan akhirnya sampai ke Ahram. Pada masa-masa tertentu mereka pergi menuju ke Jazirah untuk menikmati keindahan di tepi Sungai Nil.

Pertemuan di antara dua kekasih akhirnya berpusat di sebuah rumah di pinggir kota yang disewa khas oleh Syafik Afendi bagi mengelak daripada pandangan orang ramai. Mereka sering bertemu di rumah tersebut dengan ditemani oleh khadam masing-masing.

Plot kisah ini menghadapi konflik dengan sebab campur tangan orang ketiga dalam hubungan mereka. Bapa saudara Faridah Hanom yang tinggal di Iskandariah datang ke rumahnya untuk meminang beliau kepada anak lelakinya Baharuddin. Sejak detik tersebut hubungan di antara kedua kekasih menjadi tegang dan retak. Masing-masing membawa diri. Plot cerita menjadi beku dengan konflik tersebut dan bercabang. Syafik Afendi dengan perasaan kecewa membawa diri ke Sudan bagi menyertai pasukan pengaman. Faridah Hanom pula meninggalkan kota Kaherah menuju ke Iskandariah tinggal di rumah suaminya dengan perasaan hampa disebabkan suaminya selalu menghabiskan masa di kelab bersama kawan-kawannya.

Kemuncak plot cerita ini dapat dilihat semasa Syaffi Afendi dan Faridah Hanom bertemu pandangan di Iskandariah. Kedua-duanya pulang ke kota Kaherah. Faridah Hanom menuntut fasakh di mahkamah syariah dan akhirnya beliau berhasil mendapatkan haknya. Dari sini perhubungan mereka menjadi segar semula. Pertemuan mereka menjadi rancak dan aktif semula khususnya selepas persetujuan daripada kedua-dua keluarga.

Peleraian plot ini bermula dengan perkahwinan dua kekasih. Mereka berjaya mendirikan rumah tangga selepas menghadapi kegagalan dan halangan. Kedua-dua pasangan tersebut hidup dalam kebahagiaan dan aman.



Dalam novel Zainab plot ceritanya bermula dengan pertembungan pandangan di antara Hamid dan Zainab di sebatang jalan menuju ke ladang. Sejak dari saat itu Hamid sentiasa mencari peluang untuk berjumpa dengan Zainab dan akhirnya mereka dapat bertemu di bawah pohon-pohon di ladang. Hubungan mereka tidak dapat diteruskan disebabkan jurang taraf kehidupan. Hamid mula menjalin hubungan cinta dengan Azizah. Zainab pula bertemu dengan Ibrahim dan bercinta dengannya.

Plot cerita berkembang dengan perkembangan pertemuan di antara Zainab dan Ibrahim. Setiap hari selepas waktu bekerja mereka bertemu di tepi-tepi ladang. Pada hari-hari cuti mereka bertemu di bawah pohon-pohon di sepanjang jalan di ladang. Pertemuan di antara kedua kekasih ini semakin rancak apabila mereka sering bertemu semasa berada di ladang. Ibrahim yang menjadi penyelia ladang sentiasa datang kepada Zainab untuk berjumpa dengannya.

Konflik plot cerita novel ini bermula dengan campur tangan orang ketiga dalam hubungan mereka. Keluarga Hassan berkunjung ke rumah Zainab untuk meminangnnya kepada anak mereka. Persutujuan bapa Zainab membuatkan plot menjadi beku. Masing-masing membuat hal sendiri. Ibrahim yang kecewa dengan tindakan bapa Zainab membawa diri ke Sudan bagi menyertai pasukan pengaman. Zainab pula berpindah ke rumah suaminya dengan menjadi suri rumah sepenuh masa.

Peleraian plot bermula dengan keadaan Zainab yang jatuh sakit di sebabkan bahang rindu kepada kekasihnya dan akkhirnya meninggal dunia.



Daripada perbandingan yang dibuat di antara kedua-dua novel di atas jelaslah menunjukkan bahawa plot ceritanya adalah sama. Ia bermula dengan pandangan pertama, berkembang dengan pertemuan, konflik dengan wujud orang ketiga dan akhirnya peleraian. Perbezaannya hanya dari sudut peleraian sahaja. Novel Zainab berakhir dengan kematian watak wanitanya. Novel Faridah Hanom pula berakhir dengan perkahwinan pasangan kekasih selepas merempuh

penderitaan. Ini menunjukkan perjalanan plot novel Faridah Hanom terpengaruh dengan perjalanan plot novel Zainab dengan beberapa perbezaan kecil.

Latar

Novel Faridah Hanom berlatarkan tempat di kota Kaherah dan persekitaraannya. Di samping itu juga terdapat peristiwanya berlaku di bandar Iskandariah dan Sudan. Kebanyakan peristiwanya berkisar di sekitar kota kaherah yang berpusat di jalan Abbasiah yang terletak dua buah banglo tersergam indah yang dimiliki oleh keluarga Syafik Afendi dan Faridah Hanom. Tempat-tempat yang menjadi sasaran plot ialah bandar Atabah, jalan Abidin, Babul Luq, Jazirah, Ahram, persisiran Sungai Nil, zoo, taman Azbakiah, bandar Iskandariah dan suatu tempat di Sudan.

Suasana cuaca berdasarkan suasana Arab dengan mempunyai empat musim. Iaitu musim sejuk, musim bunga, musim panas dan musim luruh. Dalam musim panas masyarakat bersiar-siar di persisiran Sungai Nil. Begitu juga semasa tiba musim bunga masyarakat meraikan hari Syammun Nasim dengan keluar bersantai di taman-taman dan tempat rekreasi. Menaiki kereta kuda untuk bersia-siar juga merupakan tradisi Arab. Begitu juga suasana bunglo besar yang mempunyai taman di sekeliling rumah merupakan adat kepada masyarakat elit Mesir.

Dari sudut masyarakat pula, novel ini menggambarkan kehidupan masyarakat elit di Mesir. Mereka dikenali dengan gelaran Basha atau Bey. Kehidupan mewah mereka dibantu oleh khadam-khadam yang menguruskan

kehidupan seharian seperti khadam untuk menyediakan makanan, khadam untuk menyediakan pakaian, khadam untuk mengemas rumah dan persekitaran, khadam untuk kenderaan dan khadam peribadi.

Novel ini mengambil latar masa di sekitar akhir kurun ke sembilan belas. Terdapat catatan dalam novel tersebut tentang majlis sambutan hari jari bagi raja Abbas Hilmi yang diadakan pada suatu malam dalam tahun 1894.

Novel Zainab berlatar belakang tempat dan persekitaran kampung dengan menggambarkan kehidupan masyarakat kampung. Gambaran ladang-ladang dan suasana pekerjanya yang berkerja dengan rajin dan tekun menjadi fokus utama. Gambaran tali air, pokok-pokok besar di sempanjangnya dan jambatan menjadi tempat pertemuan dan perjumpaan bagi pasangan kekasih. Turut digambarkan dalam masyarakat kampung kewujudan kereta apai sebagai pengangkuta utama masyarakat.


Latar kota
Latar kampung
Negeri Mesir

BAB VII

Penutup

Kesimpulan

Selepas meneliti dan memperbandingkan kedua-dua novel di atas, dapatlah dirumuskan bahawa novel Faridah Hanom mempunyai persamaan dengan novel Zainab dari setiap sudut. Iaitu dari tema, persoalan, watak, plot dan latar. Namun begitu terdapat juga unsur-unsur perbezaan di antara keduanya. Ini menunjukkan bahawa novel Faridah Hanom terpengaruh dengan novel Zainab. Penulisnya telah membaca terlebih dahulu novel Zainab sebelum menulis novelnya. Dengan daya kreatif penulis cuba menterjemahkan semula bacaannya dalam penulisan novel yang ditulisnya.

Pengaruh novel Zainab jelas kelihatan dalam novel Faridah Hanum dari sudut tema dan persoalan cerita. Ia menonjolkan permasalahan kebebasan wanita daripada kongkongan tradisi kehidupan yang mengongkong kebebasan wanita daripada keluar rumah untuk bekerja, menziarahi, belajar dan bersiar-siar. Begitu juga kebebasan yang besar kepada wanita dalam memilih hak pasangan hidup mereka. Kebebasan ini merupakan persoalan utama yang ditonjolkan oleh kedua-dua novel di atas.



Pengaruh novel Zainab terdapat dalam novel Faridah Hanom dari sudut pemilihan watak dan peranan mereka. Dalam novel Faridah Hanom terdapat tiga watak utama yang memainkan peranan penting dalam pengembangan plotnya. Seorang wanita dan dua orang lelaki. Watak pertama Faridah Hanom yang merupakan watak utama dalam menggerakkan plot. Kedua watak Syafik Afendi yang menyumbang kepada pengembangan plot. Ketiga watak Baharuddin yang menyumbang kepada konflik plot dan menjadi batu penghalang yang menghalang perhubungan cinta di antara dua kekasih.

Dalam novel Zainab didapati lima orang watak yang memainkan peranan penting dalam perkembangan plotnya. Mereka terdiri dari dua orang wanita dan

tiga orang lelaki. Watak utama ialah Zainab yang menggerakkan plot cerita. Di samping beliau, watak Azizah yang memberi sumbangan dalam perkembangan plot. Kedua-dua mereka mempunyai ciri-ciri dan sifat yang diwarisi oleh watak Faridah Hanom. Begitu juga peranan yang dimainkan oleh mereka berdua turut dimainkan oleh Faridah Hanom.



Hamid ialah watak yang menyumbang kepada pergerakan plot cerita dengan memulakan perhubungan cinta dengan Zainab. Ibrahim ialah watak yang menyumbang kepada pengembangan plot. Ciri-ciri dan sifat yang dimiliki oleh

Hamid dan Ibrahim didapati berada pada watak Syafik Afendi. Begitu juga peranan yang dimainkan oleh mereka berdua, turut dimainkan oleh Syafik Afendi.



Hassan pula ialah watak yang menjadi penghalang kepada hubungan cinta di antara dua kekasih. Ciri-ciri, sifat dan peranannya turut terdapat pada watak Baharuddin dalam novel Faridah Hanom.



Daripada perbandingan ini jelaslah menunjukkan bahawa watak-watak yang terdapat dalam novel Faridah Hanom diilhamkan daripada watak-watak dalam novel Zainab dari sudut ciri-ciri, sifat peribadi dan juga peranan dalam pengembangan plot.



Dari sudut arus perjalanan cerita pula didapat watak-watak novel Zainab muncul dan lenyap. Kemunculan di awal cerita kemudian lenyap dalam perjalanan cerita dan mucul watak yang lain dengan mengambil cirri dan peranan yang sama. Sebaliknya dalam novel Faridah Hanom wataknya muncul dari awal cerita dan memainkan peranannya sehingga tamat.

Azizah	Zainab
Faridah Hanom	

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Hamid	Ibrahim
Syafik Afandi	

	Hassan
	Baharuddin

Novel Faridah Hanom juga didapati terpengaruh dengan novel Zainab dari sudut perjalanan plot cerita. Plot novel Faridah Hanom berkisar di sekitar hubungan cinta di antara dua remaja hasil daripada pandang pertama di tepi jalan Abbasiah. Pandangan tersebut membuahkan cinta yang mendorong dua kekasih tersebut untuk bertemu dan keluar bersiar-siar. Peringkat permulaan pertemuan mereka hanya di taman kawasan rumah Faridah Hanom. Kemudian pertemuan mereka aktif ke tempat-tempat yang lebih jauh, seperti keluar dengan menungang kereta kuda bersiar-siar di sepanjang jalan Abasiah, jalan Abidin, jalan Babul Luq, jalan Qasrul Nil, dan pusing kembali ke rumah mereka. Pada masa yang lain mereka bersiar-siar dan berekreasi di sepanjang persisiran Sungai Nil di Jazirah dan di kawasan Ahram.

Dalam novel Zainab pertemuan di antara Zainab dan Hamid berputik dengan pandangan pertama semasa keduanya bertembung di jalan menuju ke ladang. Pertemuan di antara keduanya bermula di pinggir ladang. Perhubungan

di antara mereka tidak dapat diteruskan dengan sebab jurang dua darjat. Hamid kembali bercinta dengan sepupunya Azizah.

Zainab membawa perasaan dan bertemu dengan Ibrahim seorang penyelia ladang tempat beliau bekerja. Hubungan cinta di antara mereka membawa kepada pertemuan demi pertemuan di ladang pada setiap hari bekerja. Kemudian pertemuan mereka berkembang ke pinggir ladang di bawah pohon-pohon rendang.

Dalam perhubungan cinta untuk meredakan rasa rindu surat menjadi perantaraan utama. Bagi mengelakkan daripada rahsia mereka bocor, bahasa Perancis menjadi bahasa rasmi bagi surat tersebut. Dalam novel Faridah Hanom, surat menjadi penghubung di antara dua kekasih dan penawar rindu. Dalam novel Zainab, Hamid dan Azizah sentiasa mengirim surat bagi menyatakan dan mencurahkan isi hati.

Dalam novel Faridah Hanom perhubungan di antara Faridah Hanom dan Syafik afendi terhalang dengan sebab orang ketiga. Bapa Faridah Hanom menerima peminangan saudaranya untuk dikahwinkan Faridah Hanom dengan anak lelaki mereka. Sejak dari saat tersebut plot cerita menjadi beku dan bercabang. Masing-masing membawa diri dengan perasaan kecewa dan derita. Syafik Afendi membawa diri ke Sudan. Faridah Hanom pula berpindah ke rumah suaminya dengan perasaan kosong dan hampa dengan sikap suaminya.

Dalam novel Zainab hubungan percintaan di antara dua kekasih terhalang dengan sebab wujud orang ketiga. Bapa Zainab menerima peminangan daripada

keluarga Hassan tanpa meminta persetujuan daripadanya. Bermula dari detik ini plot cerita mula bercabang. Masing-masing membawa diri dan perasaan kecewa. Ibrahim membawa diri pergi ke Sudan menyertai pasukan pengaman. Zainab pula berpindah ke rumah suaminya dengan perasaan pilu.

Arus perjalanan plot novel Zainab bermula dengan percintaan di antara Hamid dan Zainab. Kemudian perhubungan tersebut bertukar kepada Hamid dan Azizah. Mereka sentiasa mengutus surat sebagai penganti diri. Dalam masa yang sama didapati hubungan percintaan berlaku di antara Zainab dan Ibrahim. Hubungan tersebut terhalang disebabkan kewujudan Hasan berkahwin dengan Zainab. Ibrahim yang kecewa membawa diri ke Sudan. Perjalanan arus tersebut seperti di bawah:



Dalam novel Faridah Hanom arus perjalanan plot bermula dengan percintaan di antara Faridah Hanom dan Syafiq Afendi. Mereka sentiasa mengutus surat sebagai penganti diri. Hubungan tersebut terhalang disebabkan kewujudan Bahruddin berkahwin dengan Faridah Hanom. Syafiq Afendi yang kecewa memasuki maktab tentera kemudian membawa diri ke Sudan. Perjalanan arus tersebut seperti di bawah:



Dalam novel Faridah Hanom plot cerita berkembang semula dengan pertembungan pandangan di antara dua bekas kekasih di Iskandariah. Kedua-dua mereka pulang ke kota Kaherah. Selepas Faridah mendapat haknya daripada mahkamah syariah pertemuan di antara mereka akhirnya disatukan dalam perkahwinan yang direstui oleh kedua keluarga.

Dalam novel Zainab plot ceritanya menjadi beku sesudah Zainab berpindah ke rumah suaminya. Beliau bersifat dingin dan masih terkenangkan

bekas kekasihnya. Penderitaan cinta yang dialaminya menyebabkan beliau jatuh sakit yang berlarutan dan akhirnya menemui ajalnya.

Daripada perbandingan di atas jelas menunjukkan bahasa perjalanan plot di antara kedua-dua novel ini adalah sama dari permulaan, perkembangan, konflik dan peleraian. Plotnya berkisar di sekitar hubungan percintaan dan pertemuan di antara dua kekasih. Perbezaan yang berlaku hanya di akhir cerita sahaja semasa peleraian plot. Novel Faridah Hanom diakhiri dengan kegembiraan dan kebahagiaan hidup berumah tangga. Novel Zainab pula berakhir dengan penderitaan dan kesedihan akibat kematian Zainab.



Dari sudut latar tempat, didapati kedua-dua novel tersebut mempunyai latar yang sama. Iaitu latar di negeri Mesir. Namun begitu kedua-duanya berbeza dari sudut latar tempat berlakunya peristiwa. Novel Faridah Hanom menggambarkan latar kota dengan kehidupan masyarakat kota yang penuh

dengan kemewahan hidup. Tempat-tempat berkisar plot juga diambil sekitar kota Kaherah.

Novel Zainab pula mengambil latarnya daripada suasana perkampungan yang menggambarkan ladang-ladang dan kehidupan masyarakat kampung yang hidup dalam keadaan sederhana. Kebanyakan plotnya berkisar di sekitar ladang dan persekitarannya.

Latar tempat yang sama digambarkan oleh kedua-dua novel di atas. Iaitu Sudan semasa watak lelaki pergi membawa diri bagi menyertai pasukan pengaman. Latar masa juga sama di antara kedua-dua novel tersebut.



Selepas perbandingan dan analisa dijalankan di antara dua novel di atas jelas menunjukkan bahasa novel Faridah Hanom terpengaruh dengan novel Zainab dalam pemilihan tema, persoalan, watak, struktur pembinaan plot dan gambaran

latar yang digambarkan. Ini tidak menunjukkan bahawa penulis novel Faridah Hanom menterjemahkan novel Zainab ke dalam bahasa Melayu. Melihat kepada perjalanan plot dan pemilihan watak dan persoalan sudah pasti penulis novel Faridah Hanom telahpun membaca novel Zainab dan membuat adaptasi daripada novel tersebut bagi menjayakan karyanya. Hasil bacaannya itu diterjemahkan dalam penulisannya sehinggalah beliau berjaya menerbitkan novel Faridah Hanom.

Rujukan

1. Al-Hadi, Al-Syed Sheikh Ahmad, 1985, *Faridah Hanom*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur.

2. Ahmad Darwish, 1992, *Al Adab Al Muqaren: Al Nazariyat Wa Al Tatbiq,* Dar Al Saqafah Al Arabiyyah, Kaherah.

3. A. Wahab Ali, 1991, *The Emergence Of The Novel In Modern Indonesian And Malaysian Literature: A Comparative Study*, DBP, Kuala Lumpur.

4. Ahmad Zalat, Al *Doktor Muhammad Husain Haikal Baina Al Hadaratain: Al Islamiyyah Wa Al Arabiyyah*, Al Haiah Al Masriah Lil Kitab, Kaherah.

5. Abdul Aziz Syaraf, 1987, *Muhammad Husain Haikal Fi Zikrahu*, Al Ma'arif, Kaherah.

6. Haikal, Muhammad Husain, 1992, *Zainab*, Dar Al Maarif, Mesir

7. Johan Jaafar & Mohd Thani Ahmad, 1992, *History of Modern Malay Literature,* v.1, DBP. Kuala Lumpur.

8. Muhammad 'imarah, 1997, *Al Islam Wa Al Marah Fi Rakyi Al Imam Muhammad Abduh*, Darul Rashad, Kaherah.

9. Muhammad Zaghlul Salam , t.t, *Dirasaat Fi Al Kissah al Arabiyyah Al Hadithas: Usuluha Wa Ittijahatuha Wa A'lamuha,* Mansyiah Al Ma'arif, Iskandariyyah.

10. Mana Sikana, 1983, *Sastera Islam Di Malaysia*, Sarjana, Kuala Lumpur.

11. Mahmud Syauqat, 1961, *Al Fann al Qasasi*, Al Fikhri Al Arabi, Kaherah.

12. Syauqi Dhaif, 1992, Al *Adab Al Arabi al Mu'asir Fi Masr*, Al Ma'arif, Kaherah.

13. S. H. Tan, 1968, T*he Life and Times of Sayyed Shaykh al Hadi*, B.A thesis, University of Malaya, Singapore.

14. Talib Samad, 1992, *Syed Syeikh Al Hadi Sasterawan Prograsif Melayu*, DBP. Kuala Lumpur.

15. Taha Wadi, 1969, *Al Doktor Muhammad Husain Haikal: Hayatuhu Wa Turathuhu al Adabi,* Al Nahdhah al Masriah, Kahera.

16. Taha Wadi, 1997, *Madkhal Ila Tarikh Al Riwayah Al Masriyyah*, Dar Al Nash Li Al Jameah, Kaherah.

17. Yahya Haqqi, 1987, *Fajr Al Qissah Al Masriyyah*, Al Haiah Al Masriah Lil Kitab, Kaherah.

18. Za'ba, 1939, *Modern Development*, JMBRAS, V. 17, pt.3.